KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Lembaga Peperiksaan

# KUPASAN MUTU JAWAPAN

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

## (SPM)TAHUN 2020

# BAHASA MELAYU

# KERTAS 1

# 1103/1

## 1.0 INSTRUMEN PENTAKSIRAN

| | | |
|---|---|---|
| Kod | : | 1103/1 |
| Bentuk Ujian | : | Ujian Subjektif |
| Markah | : | 130 Markah |
| Masa | : | 2 Jam 15 Minit |

### 1.1 REKA BENTUK INSTRUMEN PENTAKSIRAN

Kertas ini mengandungi 2 bahagian, iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B:**

**Bahagian A** : Penulisan berdasarkan bahan rangsangan
[30 markah]
Kepanjangan: 200 – 250 patah perkataan.

**Bahagian B** : Penulisan satu daripada lima tajuk pilihan
[100 markah]
Kepanjangan: Melebihi 350 patah perkataan.

## 2.0 BAHAGIAN A

### 2.1 PRESTASI CALON

#### 2.1.1 Prestasi Keseluruhan

Pada keseluruhannya calon memahami tugasan soalan dengan tepat dan dapat menghuraikan idea dengan jelas. Bagi calon yang cemerlang, kematangan dalam menyampaikan idea terserlah dengan huraian yang jelas dan contoh yang sesuai. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, masih terdapat segelintir calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan tidak dapat menyampaikan idea dengan baik dan berkesan.

#### 2.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Karangan calon menepati tema soalan. Idea dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai. Bahasa calon pula gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Wacananya lengkap dan unsur bahasa yang digunakan bervariasi. Calon turut menggunakan ungkapan menarik.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Jawapan calon masih menepati tema berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Idea calon masih relevan. Huraian idea masih jelas. Calon menggunakan bahasa yang masih gramatis dari segi kata dan ayat. Selain itu, penggunaan kosa kata umum dan terhad. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

## 2.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN A

### SOALAN BAHAGIAN A

[30 *markah*]

[*Masa dicadangkan* : 45 *minit*]

*Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada faedah perhimpunan rasmi sekolah. Huraikan pendapat anda tentang* **faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah.** *Panjangnya huraian hendaklah* **antara 200 hingga 250 patah perkataan.**



**FAEDAH-FAEDAH PERHIMPUNAN RASMI SEKOLAH**

- Memupuk semangat patriotik
- Mendapat pelbagai maklumat
- Mengasah bakat murid

Calon dikehendaki menghuraikan faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah berdasarkan maklumat yang diberikan dalam gambar rajah.

## Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

Dewasa ini, kita dapat saksikan bahawa perhimpunan sekolah merupakan upacara penting yang wajib diadakan pada setiap minggu di sekolah-sekolah. Perhimpunan sekolah secara amnya merupakan upacara yang memerlukan semua murid dan guru berhimpun di dataran atau dewan sekolah bagi tujuan tertentu. Kebiasaannya, perhimpunan rasmi sekolah diadakan sekali seminggu. Pelbagai aktiviti dapat dilakukan ketika perhimpunan rasmi sekolah seperti nyanyian lagu Negaraku, ucapan guru-guru dan juga pengucapan awam oleh para murid. Perhimpunan rasmi sekolah juga sering diadakan pada waktu awal pagi agar tidak ~~menganggg~~ mengganggu jadual pembelajaran para murid di kelas. Persoalan yang sering menerawang di benak fikiran, apakah faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah ?

Tidak dapat dinafikan hakikat bahawa perhimpunan rasmi sekolah dapat memupuk semangat patriotik warga sekolah. Hal ini dikatakan demikian kerana nyanyian lagu kebangsaan negara dan lagu kebangsaan negeri merupakan elemen penting ~~dalam~~ ketika perhimpunan sekolah. Dalam konteks ini, warga sekolah yang menghadiri perhimpunan rasmi sekolah mestilah menyanyikan lagu kebangsaan tersebut dengan penuh semangat dan berdiri tegak sebagai tanda menghormati lagu kebangsaan. Tindakan seperti bercakap sewaktu lagu tersebut dimainkan ~~tidak~~ haruslah dipandang serius oleh pihak sekolah dengan mengenakan tindakan yang sewajarnya kepada murid yang mempermainkan lagu kebangsaan negara. Kesannya, murid dan guru dapat memupuk semangat patriotik dalam diri mereka sekaligus melahirkan warganegara yang cinta akan tanah air. Sudah terang lagi bersuluh, perhimpunan rasmi sekolah dapat

memupuk semangat patriotik dalam kalangan warga sekolah.

Bukan itu sahaja, guru-guru dan para murid juga ~~dapat~~ akan mendapat pelbagai maklumat ketika perhimpunan rasmi sekolah. Umum mengetahu bahawa ucapan guru-guru merupakan sesuatu yang wajib ketika perhimpunan rasmi sekolah. Sehubungan dengan itu, guru-guru boleh berkongsi maklumat tentang isu-isu semasa kepada para ~~pelajar~~ murid. Dalam masa yang sama, murid-murid dapat memanfaatkan input-input yang berguna yang dikongsikan oleh guru seperti isu pencemaran, vandalisme dan buli serta menggunakan info yang berguna tersebut sebagai pengetahuan am. Maklumat tersebut juga boleh digunakan dalam subjek Bahasa Melayu terutamanya ketika menulis karangan. Rentetan itu, para murid ~~seharusnya mengambil catatan ter~~ berkenaan maklumat yang dikongsikan oleh guru agar tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung. Impaknya, murid-murid dapat meningkatkan pengetahuan am serta memanfaatkan maklumat yang dikongsikan oleh guru dengan sebaiknya. Maka, jelaslah bahawa murid-murid akan mendapat pelbagai maklumat melalui perhimpunan rasmi sekolah.

Tambahan pula, perhimpunan rasmi sekolah juga mampu menjadi platform untuk mengasah bakat murid. Hal ini dikatakan demikian kerana murid-murid diberi peluang untuk menyampaikan idea-idea bernas mereka ketika pengucapan awam. Aktiviti seperti pengucapan awam dapat meningkatkan keyakinan diri para murid agar tidak gentar melontarkan idea di khalayak ramai dan secara langsung dapat melahirkan murid yang berfikiran matang dalam melontarkan hujah-hujah yang bernas. Selain daripada pengucapan awam, tugas untuk menaikkan bendera juga memerlukan keyakinan dan tatacara yang benar agar majlis

berjalan dengan lancar. Bagi memanfaatkan peluang ini, guru-guru harus memberi peluang kepada setiap murid untuk terlibat dalam sesi pengucapan awam atau menaikkan bendera agar murid-murid mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan bukannya bertindak seperti pahat dengan penukul. Sesungguhnya, perhimpunan rasmi sekolah merupakan medium yang berkesan untuk mengasah bakat murid dalam pelbagai aspek.

Izharnya, perhimpunan rasmi sekolah wajib diadakan bagi memupuk semangat patriotik, berkongsi maklumat dan mengasah bakat murid dengan lebih berkesan. Oleh itu, semua pihak terutamanya guru-guru dan murid-murid perlulah berganding bahu bagi memastikan semua pihak yang terlibat memperoleh manfaat daripada perhimpunan rasmi sekolah. Tanpa sinergi yang jitu, misi dan visi sekolah pasti hanya menjadi angan-angan kosong sahaja. Pihak sekolah mestilah menyeru murid-murid agar sedar dengan kepentingan perhimpunan rasmi sekolah dan bukannya sesuatu perkara yang boleh dipandang sebelah mata.

Pada bahagian **pengenalan** calon dapat memahami tugasan tentang faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah**.**

Pada bahagian **huraian idea**, ketiga-tiga idea yang dihuraikan oleh calon iaitu, **memupuk semangat patriotik, mendapat pelbagai maklumat** dan **mengasah bakat murid** dengan **jelas** dan **matang** disertakan dengan **contoh yang sesuai**. Calon dapat menghuraikan faedah perhimpunan rasmi iaitu memupuk semangat patriotik melalui tindakan murid yang berdiri tegak sewaktu menyanyikan lagu kebangsaan.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis. Terdapat penggunaan pelbagai kosa kata dan ungkapan yang **luas** dan **tepat**, contohnya *"menerawang di benak fikiran," "tidak gentar melontarkan idea,"* dan *"mampu menjadi platform."* Selain itu, bahasa yang digunakan oleh calon juga **bervariasi**. Laras yang digunakan sesuai dengan tugasan yang diberikan.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan perhimpunan rasmi sekolah diteruskan kerana banyak memberi manfaat.

**Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana**

Pada hari ini, isu faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah selalu ~~dipak~~ diperkatakan. Umum mengetahui bahawa isu ~~ini~~ ini semakin penting. Persoalannya, mengapakah isu sedemikian menjadi buah mulut masyarakat ?. Oleh itu sebagai masyarakat yang prihatin marilah kita mengenal pasti faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah.

Antara faedah perhimpunan rasmi sekolah ialah dapat memupuk semangat patriotik yang semakin luntur daripada murid-murid dan guru-guru. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan memupuk semangat patriotik kita akan meningati jasa-jasa datok ~~ne~~ nenek moyang kita yang telah terkoban nyawa daripada ~~ancama~~ acaman tersebut. Sebagai contoh, ~~guru mesi~~ dengan mengadakan perhimpunan rasmi sekolah kita akan menyayikan lagu negaraku dan lain-lain. malah, guru perlu menyambut sambutan hari kemerdekaan pada setiap tahun di perhimpunan sekolah. oleh itu, kita dapat melahirkan masyarakat yang prihatin dan penyayang. Jelaslah bahawa memupuk semangat patriotik dalam kalangan murid-murid merupakan faedah perhimpunan rasmi sekolah.

Selain itu, faedah perhimpunan rasmi sekolah ialah mendapat pelbagai maklumat. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan mengadakah perhimpunan sekolah murid-murid akan mendapat banyak idea dan boleh digunakan di dalam kelas atau dimana-mana sahaja. Sebagai contoh, maklumat yang disampaikan oleh guru-guru pada perhimpunan tersebut dapat menolong kita ~~apabila~~ semasa kita tidak faham dalam kelas dan

boleh digunakan sampai menara ganding. Oleh itu, kita dapat melahirkan murid-murid yang prihatin. Benarlah bahawa mendapat pelbagai maklumat merupakan faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah.

Akhir sekali, faedah perhimpunan rasmi sekolah ialah mengasah bakat murid mencatat dan ~~men~~ salin ~~salin~~ apa yang guru-guru mereka beri pada hari ~~perhimpunt~~ perhimpunan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana mencatat dah semakin luntur oleh itu dengan mengadakan perhimpunan rasmi guru-guru dapat mengasah bakat murid-murid. Selain itu, apa yang mereka catat itu boleh membawa ke menara gading. Sebagai contoh, mencatat apa yang guru guru sampaikan dan lain-lain. Oleh itu, kita dapat melahirkan anak murid ~~yg~~ yang cemerlang dan gemilang. Jelaslah bahawa mengasah bakat murid mencatat merupakan faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah.

Kesimpulannya, pihak sekolah harus membuat perhimpunan pagi di sekolah agar dapat melahirkan pelajar-pelajar yang berdisiplin.

Pada bahagian **pengenalan** calon kumpulan sederhana masih dapat memahami tugasan tentang faedah-faedah perhimpunan rasmi sekolah**.**

Pada bahagian **huraian idea**, jawapan calon masih menepati tema berdasarkan bahan rangsangan yang diberi. Idea calon masih relevan. Huraian idea **masih jelas**, contohnya, *"Selain itu, faedah perhimpunan rasmi sekolah ialah mendapat pelbagai maklumat. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan mengadakan perhimpunan sekolah murid-murid akan mendapat banyak idea dan boleh digunakan di dalam kelas atau dimana-mana sahaja. Sebagai contoh maklumat yang disampaikan oleh guru-guru pada perhimpunan tersebut dapat menolong kita semasa kita tidak faham dalam kelas dan boleh digunakan sampai menara ganding."* Sepatutnya calon menghuraikan ideanya tentang faedah daripada maklumat yang diperoleh oleh murid semasa perhimpunan rasmi dengan lebih jelas.
Calon menggunakan ayat yang **masih gramatis** tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga **umum**. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti *yang mereka catat* (sepatutnya yang dicatat oleh mereka), *mencatat dah semakin luntur* (sepatutnya budaya mencatat sudah semakin luntur) dan *menyayikan* (sepatutnya menyanyikan). Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon membuat penegasan bahawa sekolah harus mengadakan perhimpunan agar dapat melahirkan pelajar yang berdisiplin.

## 3.0 BAHAGIAN B

### 3.1 PRESTASI CALON

#### 3.1.1 Prestasi Keseluruhan

Sebahagian besar daripada calon dapat menjawab tugasan. Calon juga dapat menghurai dan mengolah idea dengan jelas. Calon juga berjaya membuktikan kemampuan dan kebolehan menghasilkan karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan. Calon juga dapat mengemukakan contoh yang sesuai. Hal ini menunjukkan bahawa calon mempunyai pengetahuan untuk menjawab tugasan yang diberikan.

#### 3.1.2 Prestasi Mengikut Kumpulan

**Kumpulan Prestasi Tinggi**

Calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan. Calon mampu dan berjaya menghuraikan idea dengan jelas dan matang disertakan dengan contoh yang sesuai. Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis dan kosa kata yang luas dan tepat. Gaya bahasa yang digunakan juga menarik dari segi keindahan bahasa di samping penggunaan ungkapan yang relevan untuk mengukuhkan huraian idea. Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan sangat menarik dan berkesan. Pemerenggan karangan juga sesuai.

**Kumpulan Prestasi Sederhana**

Calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan. Calon masih mampu menghuraikan idea dengan jelas disertakan dengan contoh yang masih sesuai. Calon menggunakan ayat yang masih gramatis dan kosa kata umum. Gaya bahasa yang digunakan dari segi keindahan bahasa kurang menarik di samping penggunaan ungkapan yang kurang berkesan. Laras bahasa yang digunakan masih sesuai dengan kehendak tugasan. Penggunaan tanda baca masih tepat dan sesuai serta kesalahan bahasa minimum. Pengolahan masih menarik sementara pemerenggan masih sesuai.

## 3.2 KUPASAN JAWAPAN BAHAGIAN B

## SOALAN BAHAGIAN B

[100 *markah*]

[*Masa dicadangkan* : 1 *jam* 30 *minit*]

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 350 patah perkataan**.

**1** Setiap individu mengimpikan kerjaya yang dapat menjamin masa depan.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kerjaya impian anda.

**2** Sekolah anda akan mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan. Anda telah dipilih sebagai Tokoh Murid Cemerlang dan diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.

Sediakan teks ucapan anda selengkapnya.

**3** Malaysia memerlukan atlet-atlet pelapis berkualiti yang mampu bersaing di peringkat dunia.

Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti?

**4** Kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan membawa pelbagai kebaikan kepada negara-negara terlibat.

Huraikan kebaikan-kebaikan tersebut.

**5** *Apabila terpelihara lidah*
*Nescaya dapat daripadanya faedah*

Petikan gurindam di atas menjelaskan bahawa kita perlu menjaga tutur kata kerana banyak manfaatnya.

Huraikan manfaat-manfaat apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan.

## Soalan 1

Setiap individu mengimpikan kerjaya yang dapat menjamin masa depan.
Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kerjaya impian anda.

Calon dikehendaki menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kerjaya impiannya.

## Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi

berjaya melahirkan graduan yang cemerlang ialah Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Bagi mencapai hasrat saya untuk melanjutkan pelajaran di universiti tersebut, saya haruslah menumpukan sepenuh perhatian di dalam kelas semasa guru mengajar agar dapat memahami ~~p~~ sesuatu subjek yang diajar oleh guru. Dengan ini, saya dapat meningkatkan kefahaman dan ilmu pengetahuan tentang sesuatu pelajaran dengan baik dan bukannya masih terumbang-ambing tanpa tujuan. Tambahan pula, saya boleh bertanya kepada guru sekiranya terdapat sesuatu perkara yang tidak difahami kerana peribahasa ada mengatakan bahawa malu bertanya, sesat jalan. Impaknya, saya dapat menggunakan ilmu yang diperoleh dengan sebaik-baiknya ~~dengan~~ dan menjawab soalan peperiksaan dengan penuh keyakinan. Tanpa usaha yang gigih dalam menimba ilmu, saya tidak akan memperoleh kejayaan yang cemerlang sekali gus tidak dapat mencapai kerjaya yang diimpikan. Sudah terang lagi bersuluh, saya haruslah belajar bersungguh-sungguh bagi memperoleh keputusan yang cemerlang untuk melayakkan diri saya untuk memohon kerjaya impian yang dicita-citakan.

Tidak dapat dikesampingkan hakikat bahawa wang amat penting dalam kehidupan pada hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana taraf hidup yang semakin meningkat saban tahun mendesak kita untuk berusaha mencari sumber pendapatan yang stabil. Sehubungan dengan itu, saya haruslah berjimat cermat sejak awal lagi dengan membiasakan amalan menabung dalam kehidupan. Wang simpanan mempunyai pelbagai kegunaan lebih-lebih lagi ketika kecemasan, kegunaan pada masa hadapan dan sebagainya. Dalam konteks ini, saya boleh memanfaatkan wang tabungan tersebut untuk membiayai yuran untuk memasuki pusat pengajian tinggi. Dengan adanya wang yang

mencukupi, saya dapat mengurangkan beban ibu bapa saya untuk membayar yuran pengajian yang sudah pasti bukan sedikit nilainya. Bukan itu sahaja, saya juga boleh mengunakan wang tersebut sebagai modal untuk memulakan ~~[illegible]~~ perniagaan sekiranya saya berminat dalam bidang tersebut. Tanpa wang simpanan yang mencukupi, sudah pasti agar sukar untuk mencapai kerjaya impian saya kerana saya tidak boleh hanya bergantung harap pada ibu bapa yang sudah pasti mempunyai banyak tanggungan seperti adik-adik saya yang masih memerlukan mereka. Sesungguhnya, amalan menabung sejak kecil amat penting bagi mencapai kerjaya impian sesuai peribahasa, sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit kerana banyak kegunaan wang yang dapat meringankan beban saya pada masa akan datang.

Selain daripada keputusan yang cemerlang dan duit simpanan yang mencukupi, saya haruslah mempunyai maklumat tentang kerjaya impian dan hala tuju yang jelas. Tanpa maklumat yang benar tentang kerjaya impian, saya mungkin akan memilih jalan yang salah sekali gus merugikan masa depan saya. Oleh sebab itu, saya mestilah berjumpa dengan guru kaunseling untuk mendapatkan maklumat tentang kerjaya impian saya. Melalui usaha ini, saya akan mengetahui bidang yang bersesuaian dengan kerjaya impian saya dan saya akan mempunyai keyakinan setinggi Gunung Everest untuk mengharungi cabaran bagi mencapai kerjaya impian saya. Selain guru kaunseling, saya juga boleh mendapatkan maklumat mengenai kerjaya impian saya melalui internet ataupun majalah-majalah kerjaya di sekolah atau di perpustakaan awam. Maklumat-maklumat seperti jumlah pendapatan, ~~kebaikan~~ manfaat dan sebagainya dapat meyakinkan diri saya untuk memilih kerjaya impian

dengan betul dan memotivasikan diri untuk mencapai impian tersebut. Maka jelaslah bahawa saya harus mengetahui segala maklumat yang berkaitan dengan kerjaya impian saya agar saya dapat memilih laluan yang betul dan tidak mensia-siakan masa depan saya bagai telur di hujung tanduk.

Akhlak yang terpuji juga tidak kurang peri pentingnya untuk mencapai kerjaya impian. Hal ini dikatakan demikian kerana insan yang berjaya harus mempunyai akhlak yang baik dan disenangi ramai. Saya juga tidak harus memandang enteng perkara ini kerana ~~orang yang berilmu~~ tiada gunanya sekiranya menjadi orang yang berilmu tetapi tiada adab. ~~lebih baik~~ Akhlak yang terpuji boleh dibina dengan mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu agama yang mantap agar tidak mudah hanyut dalam arus modenisme dan hedonisme yang kian meruncing mutakhir ini. Dengan adanya pegangan agama yang mantap, saya tidak akan mudah terpengaruh dengan anasir-anasir negatif yang kian menggoda saya untuk melakukan perkara yang sia-sia seperti membuli, menagih dadah dan merokok. Selain itu, nilai-nilai murni seperti nilai hormat-menghormati, kasih sayang dan bertanggungjawab wajib saya amalkan agar disenangi oleh ramai orang. Keperibadian yang positif akan menjadi pemangkin untuk melayakkan diri saya mencapai kerjaya yang diimpikan. Umum sedia maklum bahawa tiada seorang majikan yang menginginkan pekerja yang mempunyai masalah disiplin kerana hal ini dapat menggugat reputasi sesebuah syarikat atau jabatan. Sesungguhnya, akhlak yang terpuji merupakan aspek yang harus saya titikberatkan bagi mencapai kerjaya impian saya agar tidak berputih mata.

Pada bahagian **pengenalan** calon dapat memahami tugasan tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh setiap individu untuk mencapai kerjaya impiannya.

Pada bahagian **huraian idea,** calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh calon untuk mencapai kerjaya impiannya seperti belajar bersungguh-sungguh, mengkaji dan mencari maklumat tentang kerjaya yang diminati dan mempunyai keperibadian yang positif. Calon dapat menghuraikan idea belajar bersungguh-sungguh dapat menjamin kerjaya impian pada masa depan.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti *"Tanpa usaha yang gigih dalam menimba ilmu, saya tidak akan memperoleh kejayaan yang cemerlang sekali gus tidak dapat mencapai kerjaya yang diimpikan."* Kosa kata yang digunakan juga **luas** dan **tepat**. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang **tepat**, contohnya *"berprestij"*, *"keyakinan setinggi gunung Everest"* dan *"seperti layang-layang putus talinya."* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon juga sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang seimbang dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyatakan dia perlu menyusun strategi yang ampuh untuk mencapai kerjaya impiannya.

## Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Kerjaya yang dapat menjamin masa depan merupakan impian setiap induvidu. Hal ini disebabkan kerana kerjaya membantu induvidu untuk memudahkan urusan harian. Contohnya, dalam bidang pendidikan, kekeluargaan dan pendapatan. Masa depan yang cerah merupakan aset yang berharga dalam menjamin kehidupan induvidu bukan sahaja di dunia malahan juga di akhirat kelak. Persoalannya, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kerjaya impian saya? Perbahasan ini akan saya teruskan pada perenggan yang seterusnya.

Antara usaha yang perlu dilakukan untuk mencapai kerjaya impian saya ialah belajar dengan bersungguh-sungguh. Hal ini kerana keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan akan membantu dalam menentukan pekerjaan. Keputusan yang rendah akan tidak memuaskan akan mempunyai impak tersendiri. Contohnya, gagal mendapatkan pekerjaan yang di impikan dan kurang berpengetahuan dalam bidang pendidikan. Kesannya, kehidupan akan berada dalam kemiskinan. Jelaslah belajar bersungguh-sungguh dapat menjamin kerjaya impian di masa depan.

Selain itu, sifat bermalas-malasan merupakan punca gagal ~~dan~~ dalam mencapai kerjaya impian. Hal demikian kerana, sifat malas berpunca daripada hasutan syaitan. Syaitan mempunyai pekerjaan yakni menghasut manusia supaya ~~bera~~ berada dalam kesesatan. Contohnya, malas mengerjakan kerja sekolah dan ~~tidak berdisiplin~~ melakukan kerja di bidang tertentu. ~~Oleh~~ Akibatnya, pekerjaan yang di kerjakan seolah-olah menjadi beban yang berat yang perlu dipikul. Sifat malas perlulah dilawan dengan sekuat tenaga agar tidak merugikan diri sendiri bak kata pepatah usaha tangga kejayaan.

Seterusnya, menghadiri kelas tambahan ~~[illegible]~~ yang dibuat oleh guru. Hal ini dapat membantu mendapatkan nilai ~~&~~ peperiksaan yang cemerlang dan melatih induvidu dalam melakukan pekerjaan ~~ketika tamat berakhirnya~~ di masa depan setelah tamat persekolahan. Misalnya, dengan adanya kelas tambahan induvidu akan terbiasa melakukan pekerjaan lebih masa untuk mendapatkan kemahiran dalam bidang pekerjaan yang dikerjakan. Kesannya, induvidu akan melakukan pelbagai usaha untuk medapatkan kerjaya yang di impikan. Oleh demikian, kelas tambahan bukan sahaja memberikan dampak kepada pendidikan tetapi juga pekerjaan atau kerjaya di masa depan.

Selanjutnya, perkara yang menjadi tonggak utama adalah berbakti kepada ibu bapa. Ibu bapa ialah orang yang sentiasa ada dalam waktu susah mahupun senang. Durhaka kepada Ibu bapa merupakan punca terhalangnya mendapat impian kerana redha allah terletak pada redha ibu bapa. Misalnya, terhalangnya pintu rezeki serta banyak mendapat ujian dari tuhan. Impaknya, individu akan mendapat laknat dari allah di dunia dan di akhirat. Jelaslah ibu bapa juga dapat memberikan kesan ~~kepada~~ kerjaya di masa depan.

Akhir sekali, mentaati perintah tuhan dan menjauhi segala larangannya. Hal ini kerana perintah tuhan wajib ditaati oleh semua makhluknya. Mengerjakan larangan tuhan akan mendapatkan kesulitan di dunia dan diakhirat. Contohnya, syirik, meminum arak dan berzina ~~Jelaslah~~. Perkara yang dilarang oleh tuhan akan menjadi balasan di bidang kerjaya. ~~kerana~~ Induvidu yang melakukan perbuatan ~~ini~~ ~~yang~~ mungkar medapat balasan atas perbuatannya yang di kerjakan. Oleh itu, Perintah tuhan ~~harus~~ wajib di taati agar di permudahkan segala urusan.

Kesimpulannya, setiap individu yang mengimpikan kerjaya yang dapat menjamin masa depan perlulah ~~banyak~~ mengerahkan tenaga dalam menghadapi pelbagai cabaran yang datang agar memberikan pengajaran serta memperkuat jati diri untuk mencapai kerjaya impian di masa depan.

Pada bahagian **pengenalan** calon kumpulan sederhana masih dapat memahami tugasan tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh setiap individu untuk mencapai kerjaya impiannya.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh setiap individu untuk mencapai kerjaya impiannya. Idea yang dikemukakan **masih relevan**, huraian juga **masih jelas** dan contoh yang diberikan **masih sesuai**. Contohnya *"Seterusnya, menghadiri kelas tambahan yang dibuat oleh guru. Hal ini dapat membantu mendapatkan nilai peperiksaan yang cemerlang dan melatih induvidu dalam melakukan pekerjaan di masa depan setelah tamat persekolahan."* Sepatutnya calon mengaitkan idea tersebut dengan kerjaya impian dengan lebih jelas.

Calon menggunakan pelbagai ayat yang **masih gramatis** tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga **umum**. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti *di masa depan* (sepatutnya pada masa depan), *hal ini kerana* (sepatutnya hal ini dikatakan demikian kerana) dan *induvidu* (sepatutnya individu). Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyatakan dia perlu mengerahkan tenaga untuk mencapai kerjaya impiannya.

**Soalan 2**

Sekolah anda akan mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan. Anda telah dipilih sebagai Tokoh Murid Cemerlang dan diminta untuk menyampaikan ucapan dalam majlis tersebut.
Sediakan teks ucapan anda selengkapnya.

Calon diminta untuk menyediakan teks ucapan yang akan disampaikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan kerana telah dipilih sebagai Tokoh Murid Cemerlang.

**Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi**

Selamat pagi dan salam sejahtera saya ucapkan kepada Yang Berbahagia, tuan pengetua, barisan penolong kanan yang komited terhadap kerjayanya, tetamu-tetamu kehormat, para waris serta pelajar yang dikasihi sekalian. ~~Pe~~ Sebelum itu, terima kasih juga saya ucapkan kepada pengacara majlis yang ~~sa~~ elok ~~bah~~ pertuturannya. ~~Terim~~ Jutaan terima kasih dan penghargaan juga saya ucapkan khas kepada semua yang berada di dalam dewan ini kerana memberi peluang keemasan kepada saya untuk ~~b~~ memberikan ucapan sebagai seorang Tokoh Murid Cemerlang dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan pada hari ini.

Hadirin sekalian, saya bukanlah seorang anak berketurunan bangsawan, ~~mahupun~~ bukan juga anak tokoh ilmuan. Saya sama seperti kalian semua. Pertama sekali, terima kasih dan syukur kehadrat Ilahi kerana saya dianugerahkan dengan Tokoh Murid Cemerlang yang selama ini hanya menjadi impian sejak saya mengenal membaca. Bergelar seorang Tokoh Murid Cemerlang, izinkan saya berkongsi sedikit sebanyak kunci kejayaan yang membolehkan saya berdiri di sini pada hari ini.

Hadirin sekalian,

Murid yang cemerlang perlu menunjukkan prestasi yang baik dalam bidang akademik. Hal ini demikian kerana ~~mereka~~ murid cemerlang akan menjadi rujukan bagi semua rakan seperjuangan yang lain. Justeru, seorang murid cemerlang haruslah belajar - bersungguh dalam menuntut ilmu agar dapat bergelar seorang insan berilmu. Dengan cara yang biasanya saya lakukan seperti belajar secara berkumpulan, bertanya kepada guru ataupun rakan sekiranya terdapat kemusykilan dalam sesuatu yang saya pelajari merupakan salah satu kaedah atau pendekatan yang

sangat efektif untuk memahami sesuatu ilmu dengan lebih mendalam. Kita tidak boleh sesekali bersifat bongkak dalam menuntut ilmu. ~~k~~ Seorang murid cemerlang juga hendaklah meringankan tulang untuk membantu rakan yang masih ~~ke~~ kurang menguasai sesuatu ilmu. Hal ini demikian, 90% cara belajar yang paling berkesan adalah melalui apa yang kita ajarkan kepada orang lain. Rasulullah SAW juga pernah bersabda, tuntutlah ilmu sehingga ke negeri China. Ini bermaksud, ilmu itu luas. Justeru, kita sebagai murid cemerlang perlu bersungguh-sungguh ~~&~~ dalam mencarinya. Kesannya, kita akan memperoleh keputusan yang cemerlang dalam setiap peperiksaan yang ~~kita~~ duduki. Izharnya, seorang murid cemerlang akan sentiasa mengabdikan diri mereka dengan menuntut ilmu.

Selain itu, murid cemerlang hendaklah sentiasa mengutamakan satu perkara wajib ini iaitu menjaga hubungan. Saya ~~kec~~ perincikan lagi skop ini kepada dua skop utama iaitu hubungan dengan ~~pen~~ Pencipta dan hubungan sesama manusia. Seorang ~~pela~~ murid cemerlang akan sentiasa mendekatkan diri dengan tuhan melalui amal ibadat ~~wajib~~ nawafil di samping amalan wajib. Dengan ini, murid cemerlang akan terlindung daripada kerosakan akal fikiran, kekacauan dunia serta belenggu syaitan. ~~Apabila~~ Ingatlah kata-kata Seokarno, ~~pem~~ presiden pertama Indonesia yang melancarkan konsep Ganyang Malaysia iaitu ~~sekiranya mendalami agama, ia akan~~ agama yang dipelajari ~~membuta~~ menjadikan ~~membe~~ manusia pengawas hidupnya sendiri. Berhubungkait dengan hubungan sesama manusia, boleh pula dikelaskan kepada ibu bapa, guru serta rakan. ~~dalam~~ ~~k~~ Murid yang cemerlang biasanya lahir dalam sebuah keluarga sakinah. Bagi mewujudkan keluarga sakinah, murid cemerlang harus mendengar nasihat ibu bapa serta melakukan segala suruhan mereka. ~~kita~~ Murid cemerlang juga tidak boleh mengabaikan tanggungjawab terhadap ibu bapa. Janganlah sesekali menyinggung ~~m~~ perasaan mereka. Begitu juga dengan guru, murid cemerlang perlu sentiasa meminta nasihat atau motivasi daripada guru. Guru akan berasa senang sekiranya anak muridnya ramah dengan mereka. ~~kit~~ Murid yang cemerlang akan sentiasa memohon restu daripada semua orang. Apabila

dalam pergaulan pula, murid cemerlang akan sentiasa menjaga hati rakan dan mengelak daripada bercakap mengenai keburukan rakan. Tiada manusia yang sempurna. Ingatlah bahawa, untuk menjadi seorang murid yang cemerlang, kita mestilah menjaga hubungan dengan Pencipta dan juga sesama manusia.

Seterusnya, seorang murid yang cemerlang bukan sahaja dinilai dari segi akademik. Malahan, murid cemerlang turut dinilai melalui kegiatan ~~kokor~~ kokurikulum yang disertai. ~~Apabila ber~~ Hal ini demikian kerana, melalui aktiviti kokurikulum, sekolah dapat melahirkan murid yang produktif. ~~Buktinya~~ Buktinya, sekolah tersebut akan ~~mampu~~ dikenali kerana kehebatannya yang sentiasa bergelar juara dalam setiap pertandingan. Apabila bercakap mengenai kokurikulum, pasti berlegar-legar di gawang minda para hadirin tentang acara sukan seperti ragbi, olahraga dan hoki yang menjadi kemegahan sekolah kita. Persoalannya di sini, tahukah kita bahawa acara seperti bahas, drama mahupun pantun juga tergolong dalam ~~merupakan~~ bidang kokurikulum. Saya menyertai pertandingan bahas di samping ~~acara~~ perlawanan hoki peringkat kebangsaan. Hal ini menjadikan saya ~~lebih~~ lebih bersemangat untuk mengharumkan nama sekolah kerana saya benar-benar akan melakukan yang terbaik. Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat ~~sag~~ sagunya. Namun, kita perlu bijak mendepani cabaran kerana kita mungkin akan sedikit ketinggalan dari segi pelajaran. Hal ini pula tidak sepatutnya menjadi satu beban ~~masalah~~ yang berat buat murid cemerlang kerana kita perlu berusaha mengejarnya semula agar menjadi pelajar yang seimbang.

Di samping itu, sifat kepimpinan yang tinggi juga perlu ditunjukkan oleh seorang murid cemerlang. Murid cemerlang perlu menjaga tingkah laku serta disiplin diri agar tidak menconteng arang ke muka sendiri. Murid cemerlang perlu mengelakkan diri daripada terlibat dengan gejala sosial seperti membuli, menghisap rokok dan ponteng sekolah. Gejala sosial sebegini boleh membuatkan seseorang pelajar itu digantung persekolahan ataupun dibuang sekolah. Fikirlah perasaan ibu dan bapa sekiranya mengetahui anak-anak mereka terlibat dengan masalah disiplin. Murid cemerlang perlu sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan untuk bergelar modal insan yang berjaya. Dengan disiplin diri, murid cemerlang akan sentiasa berwaspada dan hanya akan melakukan perkara yang tidak menjatuhkan maruah mereka.

Hadirin sekalian,

Akhir sekali, seorang murid cemerlang haruslah ~~bijak~~ menentukan wawasan hidup. Murid cemerlang perlu mengetahui tujuan mereka melakukan sesuatu perkara. Hal ini untuk mengelakkan mereka daripada melakukan perbuatan sia-sia bagai mencurah garam ke laut. Murid cemerlang seeloknya menyediakan jadual harian untuk memudahkan proses kehidupan. Penyediaan jadual pula haruslah diikuti dengan sepenuhnya. ~~kita lihat ambil~~ contoh daripada ~~pelajar cemerlang sijil~~ Jika kita lihat, semua pelajar cemerlang merupakan mereka yang mempunyai pendirian hidup serta hala tuju ke arah masa depan. Mereka juga bijak berhadapan dengan dunia yang ~~semakai~~ semakin sarat dengan onak dan ranjau yang berduri. Murid yang cemerlang tidak akan membazirkan masa mereka begitu sahaja selaras dengan ~~kerana mereka akan~~ ~~sen~~ kata-kata Oscar Wilde, seorang sasterawan Ireland iaitu tidak ada sesiapa, sekalipun seorang jutawan yang mampu membeli masa silamnya. Dengan menentukan wawasan hidup, murid cemerlang mampu fokus ke arah pencapaian matlamat hidup mereka.

saya sebagai

Sebelum saya mengundur diri, ~~Iz sekali lagi~~ Tokoh Murid Cemerlang pada tahun ini ingin menegaskan bahawa semua pelajar harus memberi komitmen sepenuhnya terhadap pencapaian jati diri untuk menjadi seorang insan yang berjaya. Jika kita cemerlang, sudah pasti masa depan akan terjamin. Banyak universiti yang ~~tumbuh~~ dibangunkan di luar sana menanti kehadiran anda. ~~B~~ Sebelum nasi menjadi bubur, marilah kita sama-sama bermuhasabah diri agar bermula saat ini, kita akan melakukan anjakan paradigma dan menjadi seorang murid cemerlang. Begitulah perkara-perkara yang saya amalkan dalam seharian yang membolehkan saya berdiri di pentas nan indah pada pagi ini. Ibu bapa dan guru juga perlu sentiasa memberi galakan kepada para murid ~~untu~~ sebagai penyuntik semangat menuju ke puncak. Akhir kalam, terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya untuk berucap dan terima kasih juga kerana menganugerahkan saya dengan anugerah yang tidak ternilai ini. Izinkan saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun.

Subur kiambang tingginya sama,
Menyapa lalang di bawah bidara;
Diri seimbang berminda pertama,
Murid cemerlang harapan negara.

Kalau ada sumur di ladang,
Boleh saya menumpang mandi;
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita berjumpa lagi.

Sekian, terima kasih.

Pada bahagian **pengenalan** calon dapat memahami tugasan iaitu menyediakan teks ucapan sebagai Tokoh Murid Cemerlang yang akan disampaikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu dapat menyediakan teks ucapan yang akan disampaikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan kerana telah dipilih sebagai Tokoh Murid Cemerlang. Calon mengemukakan faktor-faktor dia dipilih sebagai tokoh murid cemerlang iaitu “menunjukkan *prestasi yang baik dalam bidang akademik, sentiasa menjaga hubungan dan mempunyai daya kepimpinan.”* Calon dapat menghuraikan idea tersebut dengan jelas dan matang.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti *“Seorang murid cemerlang juga hendaklah meringan tulang untuk membantu rakan yang masih kurang menguasai sesuatu ilmu.”* Kosa kata yang digunakan juga **luas** dan **tepat**. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang **tepat**, contohnya *“sakinah”*, *“kerosakan akal fikiran”* dan *“kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya .”* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan menyampaikan ucapan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang sesuai dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan semua murid hendaklah memberikan komitmen dalam pelbagai bidang untuk menjadi pelajar cemerlang.

## Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Selamat sejahtera kepada pengetua SMK Seri Perling, guru-guru yang disayangi dan rakan-rakan saya yang dikasihi. Pada pagi ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada guru-guru dan rakan-rakan saya atas memberi peluang ini untuk memberi ucapan dan memilih saya sebagai Tokoh Murid Cemerlang. Hari ini, saya akan ~~ve~~ menyampaikan ucapan tentang ciri-ciri murid cemerlang.

Rakan-rakan saya yang dikasihi, ~~disayang~~

Murid cemerlang merupakan murid yang mempunyai kecemerlang dalam bidang akademik, melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum, mempunyai disiplin sendiri dan ~~ser~~ menjaga kebersihan serta menjadi suri teladan kepada murid-murid yang lain. Ciri perdana seseorang murid cemerlang yang perlu mempunyai, ialah mereka perlulah cemerlang dalam bidang akademik. Murid-murid sentiasa gigih berusaha ~~unt~~ dalam mengulang kaji pelajaran. Mereka ~~harus~~ turut menghadiri kelas tambahan ~~ge~~ yang dilakukan oleh guru-guru dan memberikan fokus ~~se~~ semasa guru mengajar dalam kelas. Murid yang harus mengulangkaji pelajaran untuk untuk ~~kehi~~ kehidupan mereka sendiri pasti akan mencapai ~~menca~~ kejayaan ~~kerana~~ ~~kerana~~ kerana, sudah tentu bahawa dimana ada kemahuan di situ ada jalan. Mereka mem ~~pertut~~ turut memberi ~~mempert~~ tumpuan ~~di~~ dalam mata pelajaran supaya mendapat ~~kerjaya~~ pekerjaan yang baik serta dapat berhidup ~~hidup~~ dengan ~~&~~ selesa dan dapat mencapai matlamat yang diingini.

saudara ~~satu-satu~~ saudari sekalian,

~~Murid ini~~ ~~perlulah~~ Ciri-ciri murid cemerlang yang seterusnya ialah mereka sentiasa proaktif ~~dan~~ apabila melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak sekolah. Aktiviti ~~kokurikulum~~ kokurikulum perlu disertai oleh murid-murid supaya dapat meningkatkan ~~pe~~ prestasinya dalam bidang ~~kurikulum~~ kokurikulum. Aktiviti kokurikulum seperti perkemahan, perbarisan, penglibatan diri dalam bidang seni budaya, penyertaan diri dalam permainan badminton dan sebagainya. Murid-murid harus mengambil alih dalam aktiviti kokurikulum supaya dapat ~~mengekalkan~~ menceburi minat atau kerja dalam daripada ~~aktiviti~~ ~~ke~~ aktiviti-aktiviti kokurikulum pada masa hadapan. Tamsilannya, ~~penyertaan~~ penglibatan diri dalam permainan ~~bad~~ badminton akan membuatkan mereka dapat menyertai pertandingan di peringkat sekolah, daerah mahupun antarabangsa. ~~Mereka~~ ~~dapat~~ Kejayaan mereka dalam pertandingan tersebut membuat mereka kekal dan meningkatkan prestasinya ~~dan~~ dalam ~~man~~ bidang permainan tersebut. ~~Hal ini~~ Kesannya, mereka dapat meningkatkan imej diri di pesada dunia dan imej negara juga akan meningkat.

Selain itu, ~~ciri~~ ~~ciri~~ seseorang murid yang cemerlang bukan sahaja ~~meliputi~~ meliputi kecemerlangan dalam bidang akademik dan penglibatan diri dalam aktiviti kokurikulum malah ~~mengambil~~ mempunyai disiplin dan menjaga kebersihan diri. Seseorang murid perlulah mempunyai tingkah laku yang baik supaya dapat ~~dipandang~~ dipandang tinggi di dalam kalangan murid-murid yang lain. Mereka ~~perlu~~ juga memakai pakaian yang kemas ke sekolah. ~~Supaya~~ Murid-murid sentiasa mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah supaya tidak terlibat dalam kes disiplin. Murid-murid juga perlu mengelakkan gejala negatif seperti vandalisme, ponteng sekolah, ~~m~~ meninggikan suara kepada guru-guru dan sebagainya. ~~Gejala-gejala~~ ~~murid~~ ~~harus~~ Murid-murid perlu ~~mengikis~~ menghapuskan gejala-gejala ini dan ~~mer~~ perbuatan ini bukanlah ~~perbu~~ ~~perbuat~~ perbuatan seseorang murid cemerlang. Impaknya,

Murid tersebut sentiasa dipandang rendah oleh rakan-rakan atau pelajar-pelajar di sekolah dan guru-guru tidak akan mengambil berat terhadap ~~tentang~~ ~~ke~~ murid tersebut. Deduksinya, jelaslah ~~bahawa~~ bahawa seseorang murid perlu mempunyai disiplin dan menjaga kebersihan diri semasa berada di sekolah.

Murid-murid yang disayangi,

Peranan seseorang ~~murid-murid~~ murid cemerlang yang menjadi uswah hasanah kepada murid-murid lain juga merupakan ~~satu~~ satu ciri-ciri ~~[illegible]~~ murid cemerlang. Murid-murid perlu menjadi ~~[illegible]~~ suri teladan kepada orang lain sehingga ~~[illegible]~~ mereka sanggup ~~hormat~~ menunjukkan tanda hormat kepada murid tersebut. Murid-murid perlulah memberikan salam kepada guru-guru setiap hari apabila berjumpa dengan ~~guru-guru~~ guru tersebut dan memberikan hadiah kepada guru-guru pada hari guru. ~~[illegible]~~ Sikap ini akan ~~[illegible]~~ dilakukan oleh ~~kepada~~ pelajar yang lain untuk menjadikan ~~[illegible] peribahasa~~ sebagai murid cemerlang. ~~Seperti Seperti bagaimana~~ ~~[illegible]~~ Murid-murid cemerlang harus memupuk nilai-nilai murni dalam sanubari mereka. ~~[illegible]~~ Tamsilannya, mereka sentiasa menunjukkan sikap saling membantu, ~~[illegible]~~ bekerjasama dengan rakan-rakan, saling ~~hormat~~ menghormati antara satu sama lain. Murid-murid yang sentiasa mempunyai nilai-nilai murni dan ~~[illegible]~~ sentiasa ~~harus~~ menjadi teladan kepada ~~[illegible]~~ murid-murid lain pasti disukai oleh ~~[illegible]~~ guru-guru. Guru-guru juga sentiasa menggunakan pelajar tersebut untuk mencontohi pelajar-pelajar lain. Pelajar-pelajar lain dapat menerapkan sikap tersebut dan bermotivasi serta lebih berusaha untuk menjadi seorang murid yang cemerlang.

Rakan-rakan saya yang dikasihi sekalian,

Inilah ciri-ciri yang perlu ada dalam jiwa murid-murid untuk menjadi sebuah murid yang cemerlang. Jika murid-murid melalaikan diri dalam ~~segala~~ ~~[illegible]~~ melakukan segala perbuatan pasti tidak akan berjaya dalam kehidupan. Murid-murid sepatutnya mencapaikan ~~mempunyai~~ ~~[illegible]~~ kecemerlang dalam bidang akademik, melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum ~~dan~~ menjaga kebersihan diri, mempunyai disiplin dalam jiwa ~~[illegible]~~ murid-murid dan

sentiasa menjadi fuswah hasanah kepada diri sendiri dan
kepada pelajar-pelajar yang lain di sekolah. Murid yang cemerlang
pasti akan membawa kebanggaan kepada diri sendiri, pihak
sekolah dan juga ibu bapa. Ibu bapa ~~akan~~ sentiasa memberi
pujian kepada anak-anak yang cemerlang. ~~Maka,~~

~~Maka, inilah nasihat teladan dan harapan serta yang menjadi~~
Maka, saya menamatkan ucapan saya di sini. Saya
berharap ucapan saya sangat memanfaatkan ~~memanfaatkan~~ rakan-rakan saya
untuk menjadi ~~seorang~~ murid yang cemerlang. Saya juga mengucapkan
terima kasih kepada rakan-rakan saya yang sudi ~~memasang telinga~~ dan ~~untuk~~
~~ke~~ memasang telinga pada ~~kepada~~ ucapan saya. ~~dan Murid-murid dapat dan ke pihak~~
~~sekolah juga perlulah berganding bahu seperti ibarat ke ke ke bukit~~
~~sama harapat~~ Murid-murid haruslah gigih berusaha untuk menjadi
seorang murid yang cemerlang dan membawa kebanggan dan
meningkatkan imej diri, sekolah dan juga ~~kepada~~ ibu bapa. Sekian,
Terima Kasih.

Pada bahagian **pengenalan,** calon masih berupaya menyediakan teks ucapan yang akan disampaikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan kerana telah dipilih sebagai Tokoh Murid Cemerlang.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu dapat menyediakan teks ucapan yang akan disampaikan dalam Majlis Anugerah Kecemerlangan kerana telah dipilih sebagai Tokoh Murid Cemerlang. Calon mengemukakan ciri-ciri seseorang murid dipilih sebagai tokoh murid cemerlang iaitu “cemerlang *dalam bidang akademik, sentiasa proaktif apabila melibatkan diri dalam bidang kokurikulum* dan *mempunyai disiplin.”* Idea yang dikemukakan **masih relevan**, huraian juga **masih jelas** dan contoh yang diberikan **masih sesuai**. Contohnya *“Seseorang murid perlulah mempunyai tingkah laku yang baik supaya dapat dipandang tinggi dalam kalangan murid-murid yang lain.Mereka juga memakai pakaian yang kemas ke sekolah.”* Sepatutnya calon mengaitkan idea tersebut dengan dirinya sendiri sebagai tokoh murid cemerlang.

Calon menggunakan pelbagai ayat yang **masih gramatis** tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga **umum**. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti *serta dapat berhidup dengan selesa* (sepatutnya serta dapat hidup dengan selesa), *atas memberi peluang* (sepatutnya kerana memberi peluang) dan *perkemahan* (sepatutnya perkhemahan). Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyarankan murid-murid gigih berusaha untuk menjadi murid cemerlang.

**Soalan 3**

Malaysia memerlukan atlet-atlet pelapis berkualiti yang mampu bersaing di peringkat dunia.
Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti ?

Calon diminta untuk menjelaskan pendapatnya tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti.

**Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi**

Dalam mendepani era modenisasi ini, iktisad negara dilihat berkembang pesat ibarat cendawan tumbuh selepas hujan demi menyaingi negara-negara maju lain agar tenggelam sama basah, timbul sama hanyut dengan negara-negara maju lain. Barsawarsa ini, Malaysia selaku negara yang masih berkembang pesat dilihat memerlukan atlet-atlet pelapis yang berkualiti agar dapat bersaing di peringkat global. Hal ini demikian kerana Malaysia mempunyai potensi besar dalam bidang sukan kerana pemuda-pemudi Malaysia bukanlah calang-calang ~~pemu~~ anak bangsa. Hal ini dikatakan demikian kerana ramai ~~pelbagai~~ tokoh-tokoh atlet yang hebat seperti Dato' Lee Chong Wei, Pandarela Rinong, dan Muhammad Safee Sali yang telah berjaya mengharumkan nama Malaysia di pentas antarabangsa. Hal ini jelas memperlihat kehebatan Malaysia dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa. ~~Walaubagaimanapun~~ Walaubagaimanapun, persoalan yang sering belegar-legar di ruang pemikiran ialah ~~bagaimanakah~~ apakah usaha-usaha yang perlu

bagi melahirkan ~~bagi melahirkan~~ atlet - atlet pelapis yang berkualiti ? Persoalan ini akan di bincangkan ~~pada~~ dalam perenggan seterusnya .

Dari sudut kodifikasi yang berbeza , pada pandangan saya antara usaha, yang boleh dilakukan ialah Persatuan Sukan Negara dan pihak - pihak yang bertanggung jawab dalam melahirkan atlet muda yang hebat & hendaklah menyediakan jadual latihan yang sistematik kepada para atlet muda - ~~ag~~ Hal ini dikatakan demikian kerana latihan yang baik dan sistematik dapat membantu membina kekuatan kardiovaskular dan membantu ~~dalam~~ mempertingkatkan kemahiran para atlet dalam bidang sukan. Kekuatan kardiovaskular yang unggul dapat membantu menambah stamina atlet dan dapat meningkatkan prestasi atlet dalam bidang sukan khususnya atlet pelapis yang bakal mengharumkan nama negara. Sebagai contoh , pemain bola sepak memerlukan kekuatan kardiovaskular yang tinggi agar tidak mudah lelah ketika beraksi di padang . Memetik kata - kata mantan ~~menn~~ menteri belia dan sukan , Dato' Khairi Jamaludin pernah menyatakan bahawa latihan yang intensif dan khusus perlu di jalankan supaya dapat melahirkan pelapis - pelapis atlet yang berkualiti . Kesannya, atlet - atlet muda yang telah menjalani latihan dengan baik tersebut dapat menjadi pelapis atlet kebangsaan sekaligus menyaingi atlet - atlet antarabangsa seperti Christiano Ronaldo ~~Park Ji Sung~~ iaitu pemain bola sepak kelahiran Portugal ~~korea~~ yang terkenal akan kehebatannya . Usaha ini boleh di analogikan sebagai sebuah arca yang kemas dan menawan yang memerlukan proses yang rumit ~~rapi~~ , teratur dan sistematik dalam proses pengukirannya agar hasilnya adalah yang

terbaik. Tegasnya, pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti Menteri belia dan sukan hendaklah memandang berat hal ini agar pelapis atlet ~~neg~~ negara yang berkualiti dapat dilahirkan. Sekiranya, semua pihak mengambil sikap bena tak bena maka musnahlah harapan negara dalam mempunyai atlet yang berkualiti.

Pokok perbincangan yang tidak kurang pentingnya, pada hemat saya, kerajaan hendaklah menjalankan ~~satu~~ program-progam kesukaran disekolah agar bakat-bakat cilik dapat dikesan sekaligus digilap agar menjadi atlet yang mampu berdaya saing dengan atlet-atlet antarabangsa. Hal ini dapat dicapai melalui kempen ~~tu~~ satu Murid Satu Sukan yang dijalankan disekolah-sekolah ~~se~~ di seluruh Malaysia. Matlamat kempen ini jelas bagi mendeteksi bakat muda yan terpendam dalam jiwa tunas muda yang masih menghijau. Sebagai contoh, program-progam dibawah slogan tersebut ialah pertandingan kaibgi peringkat kebangsaan, pertandingan Hoki peringkat kebangsaan dan pertandingan catur peringkat ~~ke~~ kebangsaan. Implikasi dan program-progran yang dijalankan ini dapat membantu anak watan mengenali potensis diri mereka sekaligus memudahkan negara menggilap bakat ini agar dapat menjadi pelapis atlet yang berkualiti sekaligus digeruni di pentas sarwajagat. Memetik kata-kata Soekarno iaitu mantan presiden indonesia yang menyatakan bahawa sekiranya aku diberikan 10 orang pemuda maka ~~aku~~ nescaya aku dapat menggegarkan dunia sebaliknya jikalau aku diberikan 100 orang tua

maka nescaya tidak berguna. Kata-kata ini telah menunjukkan betapa berharganya pemuda-pemudi negara dalam pelbagai bidang termasuk bidang sukan. Sudah terang lagi bersuluh, bahawasanya pihak kerajaan hendaklah menitikberatkan ~~tos~~ program kesukanan di dalam atema anak watan sejak usia setahun ~~darah~~ jagung darah setempuk pinang agar bakat mereka dapat digilap dan atlet yang unggul dapat dilahirkan. Sekiranya, pihak kerajaan ~~mene~~ bersikap seperti melepaskan batok ditengga sudah pasti wawasan ini gagal dicapai.

Menyingkap di balik tabir, pada pandangan saya pihak badan bukan kerajaan atau NGO, juga hendaklah bertindak dengan segera dalam hal ini gagal permata dan intan tersebut tidak jatuh ke tangan negara luar yang sudah tentu menguntungkan mereka. Pihak NGO hendaklah menyediakan biasiswa-biasiswa ~~bag~~ sukan bagi para atlet agar mereka dapat membeli kelengkapan kesukaran mereka dan juga memberi tumpuan kepada akedamik mereka juga. Hal ini kerana ~~tidak~~ seorang atlet yang berkualiti juga merupakan individu yang seimbang dalam bidang sukan dan akedemik. Sebagai contoh, ~~bada~~ pihak NGO yang boleh menyediakan biasiswa ini ialah MARA, SIME DARBY dan ~~FAM~~ PETRONAS. Impaknya, bidang sukan ~~mal~~ Malaysia akan mengalami ledakan atlet-atlet yang berkualiti dan hebat yang dapat menggerunkan pihak musuh sekaligus mengharumkan ~~n~~ imej negara di ~~perd~~ persada dunia. Menitik kata-kata seorang tokoh motivasi terkenal iaitu Dato Dr. Fadhilah Kamsah bahawasanya jika ingin dilihat kehebatan sesuatu negara ~~mak~~ maka

lihatlah para pemuda-pemudinya. ~~Maka~~ Realitinya, pihak NGO hendaklah mengambil pendekatan yang ~~ibarat~~ bijak dalam membantu Malaysia melahirkan ahli sukan yang merupakan pelapis yang berkualiti agar keadaan seperti aforisme ibarat yang pecah, yu yang kenyang. Sewajarnya, pihak NGO ~~mengam~~ mendoktrinkan peribahasa bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing maka tidak hairanlah jika prestasi watan dalam bidang sukan jatuh menjunam.

Jika ditinjau dari perspektif yang berbeza, pada hemat saya, negara Malaysia sewajarnya mencontohi negara-negara luar yang cemerlang dalam bidang sukan seperti China, Jepun dan Amerika Syarikat yang mampu melahirkan atlet-atlet serta pelapis atlet yang sangat hebat. Oleh hal yang demikian, pihak kerajaan khususnya menjadikan negara-negara itu sebagai ~~[illegible]~~ uswah hasanah dalam memperkembangkan bidang sukan di negara kita. Antara usaha yang kerajaan perlu lakukan ialah menstrukturkan semula tingkat persaingan sukan negara dalam kalangan belia agar program-program yang dijalankan oleh badan kerajaan seperti FAM dan BAT dapat dilihat keberhasilannya. Memetik kata-kata menteri belia dan sukan Dato Syed Saddiq bahawasanya perancangan pembangunan sukan dalam kalangan belia hendaklah mapan dan efektif agar atlet berkualiti dan berdaya saing dapat dilahirkan. Hal ini bertepatan dengan aforisme ~~bercontohkan~~ bertemyaikan yang ahli jangan bertanyakan si dungu. Kesannya, generasi Z yang mempunyai potensi yang besar dalam bidang sukan dapat dibangunkan

menjadi atlet yang unggul sekaligus penemu sukan negara agar nama Malaysia tetap gah biarpun di pentas global. Tidak perlu berandaian lagi bahawa pihak kerajaan hendaklah memainkan peranannya dengan signifikan dan pragmatik agar bidang sukan di Malaysia dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara tekat yang lain. Sebaliknya, hal ini dipandang enteng oleh kerajaan maka tidak hairan jika prestasi bidang sukan di Malaysia hanya menjadi bahan tawa negara lain. Janganlah mencontohi atom-atom, dah terhantuk baru hendak terngadah.

Sebagai pengharap bicara akhir sekaligus akhirulkalam, semua pihak hendaklah bergandingan bahu bagai aur dengan tebing dan bersinergi dalam usaha melahirkan pemain-pemain atlet yang berkualiti agar Malaysia dipandang tinggi oleh negara lain. Menitik afonisme yang harus dicontohi oleh pihak dalam usaha merealisasikan wawasan ini iaitu bulat jentayu, pesetsayap bertongkatkan paruh, patah paruh bertongkatkan dagu, patah dagu bertongkatkan kuku. Berkepadan dengan slogan satu murid satu sukan, saya berharap agar program-program yang efektif harus dijalankan oleh semua pihak agar wawasan tersebut dapat diwujudkan dan wawasan kesemakmuran negara 2030 dapat direalisasikan.

Pada bahagian **pengenalan** calon dapat memahami tugasan iaitu menjelaskan pendapatnya tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menjelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti seperti “*menyediakan jadual latihan yang sistematik, menjalankan program-program kesukanan dan menyediakan biasiswa sukan.”* Calon dapat menghuraikan idea tersebut dengan jelas dan matang.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti *“Hal ini dikatakan demikian kerana latihan yang baik dan sistematik dapat membantu membina kekuatan kardiovaskular dan membantu mempertingkatkan kemahiran para atlet dalam bidang sukan.”* Kosa kata yang digunakan juga **luas** dan **tepat**. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang **tepat**, contohnya *“intensif”*, *“dianalogikan sebagai sebuah arca”* dan *“usia setahun jagung, darah setampuk pinang.”* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerengganan yang sesuai dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan semua pihak bekerjasama meneruskan program-program yang efektif bagi melahirkan atlet pelapis yang berkualiti.

## Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Pada zaman moden ini, ekonomi telah banyak berkembang dengan pesat dan mempunyai banyak teknologi yang canggih telah dicipta untuk kemudahan masyarakat. Banyak negara yang bersaing untuk memajukan negara mereka dengan menciptakan pelbagai teknologi yang bertaraf dunia. Walaupun sedemikian, di dalam dunia sukan tidak mengharapkan sebarang teknologi yang canggih kerana ~~untuk~~ ianya ~~melahirkan~~ bergantung kepada ketuatan mental dan fizikal seseorang atlet untuk menjadi yang terbaik diantara yang terbaik supaya dapat membanggakan nama sesebuah negara atau memajukan lagi sesebuah negara tersebut supaya dikenali di seluruh dunia dan menjadi atlet yang bertaraf dunia. ~~Oleh itu~~ Walaupun begitu negara Malaysia masih lagi kurang atlet yang bertaraf dunia dan masih lagi tidak mampu bersaing dengan mana-mana negara barat. ~~Ibarat~~ ~~Oleh itu~~ ~~terdapat~~ ~~Malaysia~~ ~~usaha-usaha~~ ~~perlu lah perlulah~~ ~~yang perlu dilakukan bagi~~ Ibarat semut dan gajah. Oleh itu, ~~terdapat~~ apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya dapat melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti?

Antara usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti ~~adalah~~ ialah ibu-bapa perlu menyokong anak-anak mereka yang aktif di dalam sukan dengan membelikan mereka peralatan atau kemudahan untuk mereka bermain sukan pada waktu petang. Ibu bapa juga harus menyokong anak mereka supaya anak mereka menjadi lebih semangat untuk menjadi atlet sukan negara. Ibu bapa juga perlu menghantar anak mereka ke sekolah sukan apabila telah mencapai umur 13 tahun. Ibu bapa juga haruslah memberi nasihat kepada anak mereka supaya mencari kawan yang sama hobi supaya dapat bermain atau berlatih sama-sama dan dapat membentuk pasukan sendiri kerana usaha tangga kejayaan

Ibu bapa dan keluarga ~~perlu~~ juga perlu mendoakan anak mereka yang bercita-cita ingin menjadi atlet ~~antar~~ negara supaya dapat keberkatan dan kemudahan untuk anak mereka kerana doa dari ibu bapa adalah doa yang mustajab untuk anak-anak mereka.

Selain itu, usaha lain untuk melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti ialah sekolah perlu sentiasa aktif dalam kokurikulum ~~supaya~~ dan memilih murid yang berkemahiran atau berkemampuan tinggi untuk dimasukkan ke dalam klub sukan. Hal ini dapat memudahkan untuk melahirkan atlet yang berkualiti. Guru klub juga perlu membuat jadual waktu berlatih untuk ahli-ahli mereka. ~~Su~~ Guru pebimbing juga perlu menyediakanan makanan yang berkhasiat supaya dapat membantu anak murid mereka menjadi lebih ~~kuat~~ sihat dan cergas. Contohnya ikan dapat menambahkan protin, buah-buahan dapat menambahkan vitamin c dan air manis dapat membekalkan tenaga. Walaupun begitu tidak dilupakan juga guru ~~pem~~ pebimbing perlu mengatur jadual makanan supaya atlet mereka tidak mengambil makanan yang berlebihan kerana risau akan mengganggu akan proses latihan mereka. Guru juga perlu membawa ~~team~~ pasukan mereka ke pertandingan supaya dapat mengetahui perkembangan pasukan mereka. Selain daripada itu guru pembimbing juga perlu ~~berlati~~ membawa pasukan mereka untuk berlatih dengan pasukan lain supaya dapat mengetahui rancangan ataupun strategi pihak lawan dan dapat memudahkan ~~ke~~ pasukan apabila menyertai pertandingan ~~m~~ nanti. Guru juga perlu memberikan hadiah kepada pasukan mereka supaya pasukan mereka lebih bersemangat lagi untuk berlatih. Guru juga perlu menjiarkan rancangan yang berkaitan dengan sukan mereka supaya dapat menganalisis ~~s~~ cara permainan.

Di Samping itu, pihak kerajaan juga perlu menyumbang dari Segi keuwangan kepada Sekolah atlet untuk memajukan ~~tagi~~ atau memperbaiki peralatan atau tempat untuk berlatih. Kerajaan juga perlu Sentiasa menganjurkan pertandingan Sukan Supaya dapat menarik anak muda lain untuk menjadi atlet Sukan negara yang berkualiti tinggi. Kerajaan juga mesti membuat tempat khas untuk Sebuah klub di setiap negeri Supaya dapat mengembangkan lagi atlet yang berkualiti tinggi di setiap negeri.

Akhir sekali, Semua pihak perlulah bekerjasama untuk memajukan sukan negara dan dapat menonjolkan nama Malaysia di ~~&~~ dunia sukan Supaya dapat dihormati dan bersaing dengan negara lain. Oleh itu Malaysia juga dapat menjadi negara yang kuat dalam dunia sukan ~~dar~~ dengan bantuan dari semua pihak.

Pada bahagian **pengenalan,** calon masih berupaya memahami tugasan soalan iaitu menjelaskan pendapatnya tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menjelaskan pendapatnya tentang usaha-usaha yang perlu dilakukan bagi melahirkan atlet-atlet pelapis yang berkualiti. Idea yang dikemukakan **masih relevan**, huraian juga **masih jelas** dan contoh yang diberikan **masih sesuai**. Contohnya *"Di samping itu, pihak kerajaan juga perlu menyumbang dari segi keuangan kepada sekolah atlet untuk memajukan atau memperbaiki peralatan atau tempat untuk berlatih. Kerajaan juga perlu sentiasa menganjurkan pertandingan sukan supaya dapat menarik anak muda lain untuk menjadi atlet sukan negara yang berkualiti."* Sepatutnya calon menghuraikan idea dengan lebih jelas dan memberikan contoh yang sesuai.

Calon menggunakan ayat yang **masih gramatis** tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga **umum**. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti *dapat mengembangkan lagi atlet* (sepatutnya dapat melahirkan atlet), *bantuan dari semua pihak* (sepatutnya bantuan daripada semua pihak) dan *keuangan* (sepatutnya kewangan), *klub* (sepatutnya kelab). Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyarankan semua pihak bekerjasama untuk memajukan sukan negara.

**Soalan 4**

Kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan membawa pelbagai kebaikan kepada negara-negara terlibat.

Huraikan kebaikan-kebaikan tersebut.

Calon dikehendaki menghuraikan kebaikan-kebaikan kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan kepada negara-negara terlibat.

**Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi**

Pada era globalisasi dan modenisasi ini, pelancongan merupakan perkara yang tidak lagi asing bagi masyarakat di Malaysia. Aktiviti melancong merupakan perkara yang wajib dilakukan oleh setiap keluarga sekurang-kurangnya sekali dalam setahun. Aktiviti pelancongan telah ~~dititikberatkan~~ dititikberatkan oleh kerajaan di bawah Kementerian Pelancongan. Usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah mengadakan kempen Tahun Melawat Malaysia, 'Tourism Asia' dan 'Visit Malaysia'. Hasil daripada kempen yang dilaksanakan dapat dilihat oleh masyarakat di pusat-pusat pelancongan yang terdapat di negara kita. Namun, perkara ini tidak akan terdapat sekiranya hubungan antara negara serantau seperti Indonesia, Thailand, Singapura dan Brunei tidak terjalin. Hubungan antara negara serantau dijalinkan bagi meningkatkan mutu industri pelancongan di negara masing-masing. Namun demikian, apakah kebaikan kepada negara-negara terlibat?

Faedah - faedah yang diperolehi oleh negara yang terlibat ialah negara tersebut dapat meningkatkan taraf ekonomi negara. Ekonomi negara dapat ditingkatkan dengan penggunaan perkhidmatan ~~awam~~ yang ditawarkan oleh pihak kerajaan mahupun masyarakat tempatan. ~~Sebagai~~ ~~contoh Tamsilannya~~ Tamsilannya, negara Thailand yang terkenal dengan teksi motornya atau lebih dikenali sebagai 'tuk - tuk' yang berfungsi sebagai pengangkutan awam. Kenderaan ini amat membantu para pelancong bagi menyusuri lorong - lorong kecil untuk sampai ke destinasi pelancongan. 'Tuk - tuk' ini juga disukai oleh pelancong kerana kenderaan ini tidak terdapat di negara mereka di samping harganya yang murah. Hal ini secara tidak langsung dapat mempromosikan negara Thailand apabila pelancong pulang ke negara mereka. Tambahan pula, dunia kini yang serba moden dengan teknologi di hujung jari membantu mempromosikan negara serantau. Justeru, negara - negara terlibat dapat meningkatkan taraf ekonomi mereka. Izharnya, penggunaan teknologi ~~membantu~~ memberi impak yang besar kepada industri pelancongan sesebuah negara.

Seterusnya, faedah yang dapat diperolehi oleh negara - negara terlibat ~~dapat~~ ialah ~~rakyat~~ taraf hidup rakyat dapat dipertingkatkan. Peningkatan taraf hidup rakyat dapat dicapai apabila pembelian produk - produk tempatan oleh pelancong. Pelancong dapat membantu penduduk tempatan menaikkan taraf hidup mereka dengan membeli cenderamata atau cenderahati untuk keluarga mahupun rakan - rakan. Sebagai contoh, ~~negara~~ Bandung, Indonesia yang terkenal dengan tempat membeli - belah bagi pelancong membantu penduduk tempatan memasarkan produk mereka. Situasi ini amat menguntungkan ~~para~~ kedua belah pihak oleh kerana pelancong ingin mencari cenderamata yang murah dan penduduk tempatan ~~ingin menjualnya~~ menjual barangan dengan harga yang murah. Oleh itu, kerjasama yang dijalinkan oleh kedua - dua negara dapat meningkatkan taraf hidup rakyat dengan ~~nega~~ cara negara yang terlibat menambahkan bilangan pelancong yang datang ke negara serantau. Tuntasnya, ~~kerjasama yang di~~ taraf hidup rakyat akan meningkatkan dengan pertambahan pelancong.

Di samping itu, tapak warisan negara dapat dipelihara ~~akan~~ oleh kerana peningkatan ekonomi yang membantu menambah pendapatan negara. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi sumbangan kepada ~~pusat~~ tempat - tempat bersejarah dan tapak warisan negara bagi membaik pulih struktur bangunan. Perkara ini dapat dilihat ~~pada~~ di Melaka, Bandar raya bersejarah di Malaysia yang terpelihara dek kerana dana yang disalurkan hasil daripada aktiviti pelancongan. Hubungan antara negara Malaysia dengan negara serantau secara amnya membantu kemasukan pelancong asing ke tempat - tempat ~~pelan~~ bersejarah. Pelancong dapat mengetahui sejarah kesultanan melayu di samping melihat nilai estetik yang terdapat pada tempat tersebut. Sudah terang lagi bersuluh, tapak warisan negara dapat dipelihara dengan kemasukan pelancong asing.

Akhir sekali, faedah kepada negara - negara terlibat ialah negara dapat memajukan industri pelancongan. Industri pelancongan dapat dimajukan dengan meningkatkan taraf ekonomi negara, taraf hidup rakyat dan memelihara warisan tapak warisan negara. Dengan ~~mem~~ melaksanakan perkara di atas, sesebuah negara dapat memajukan industri pelancongan. ~~oleh kerana~~ Hal ini kerana ~~faktor~~ yang diperlukan bagi memajukan industri pelancongan adalah dengan meningkatkan kemudahan infrastruktur, pengangkutan dan penginapan. Contohnya, ~~negara~~ antara penyumbang terbesar bagi negara membangun seperti Jepun, Amerika Syarikat dan China ialah kemajuan dalam industri pelancongan. Justeru, ~~kerajaan~~ kerjasama yang terjalin antara negara dapat memajukan sesebuah negara.

~~B~~ Konklusinya, kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan membawa pelbagai kebaikan kepada negara - negara terlibat. Oleh yang demikian, semua pihak dari ~~kedua-dua~~ ~~buat~~ negara yang terlibat perlulah memperkukuhkan lagi ikatan kerjasama ~~bagi~~ memastikan industri pelancongan di negara masing - masing terus membangun.

Pada bahagian **pengenalan** calon dapat memahami tugasan iaitu menghuraikan kebaikan-kebaikan kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan kepada negara-negara terlibat

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menghuraikan kebaikan-kebaikan kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan kepada negara-negara terlibat seperti *"meningkatkan taraf ekonomi negara, meningkatkan taraf hidup rakyat dan memelihara tapak warisan negara."* Calon dapat menghuraikan idea tersebut dengan jelas dan matang.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti *"Pelancong dapat mengetahui sejarah Kesultanan Melayu di samping melihat nilai estetik di tempat tersebut. Sudah terang lagi bersuluh, tapak warisan negara dapat dipelihara dengan kemasukan pelancong asing."* Kosa kata yang digunakan juga **luas** dan **tepat**. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang **tepat**, contohnya *"tamsilannya"*, *"penggunaan teknologi memberi impak yang besar"* dan *"sudah terang lagi bersuluh."* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggganan yang sesuai dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan semua negara yang terlibat mengukuhkan kerjasama dalam bidang pelancongan supaya mendapat pelbagai manfaat.

## Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Marcapada, kita telah sampai ke era abad ke-21 yang ~~penu~~ dipenuhi dengan teknologi maklumat dan komunikasi. Beberapa negara-negara juga telah berdamai dan turut bekerjasama ~~dengan~~ sesama diri dalam pembangunan dan kemajuan negara. ~~Contoh yang paling baik~~ ASEAN merupakan contoh negara serantau yang paling terbaik kerana negara-negara tersebut telah menunjukkan kegigihan mereka dalam menjaga keharmonian negara masing-masing. ASEAN juga telah menunjukkan kerjasama mereka dalam pembangunan politik, sosial dan ekonomi serantau dengan berkongsi sumber dan maklumat sesama diri. Pertubuhan ini juga mempunyai kerjasama dalam industri pelancongan untuk menarik perhatian pelancong-pelancong asing dan mempamerkan kekayaan kebudayaan masing-masing. Oleh sebab itu, ~~ASEAN bukan sahaja dapat satu blok~~ terdapat beberapa kebaikan ~~kebaikan~~ kerjasama negara serantau dalam ~~indusri~~ industri pelancongan. Persoalannya sekarang, apakah kebaikan-kebaikan tersebut? Tepuk dada tanya selera.

Mari kita melebarkan lensa perbincangan kita dengan kata kunci mempromosikan kebudayaan masing-masing. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam industri pelancongan yang melibatkan negara serantau, terdapat begitu banyak ~~perk~~ persamaan yang ~~diingini~~ diinginkan oleh pemimpin-pemimpin negara iaitu ~~budaya~~ perkongsian seni dan budaya. Misalnya, negara Malaysia merupakan negara yang berbilang kaum dan juga mempunyai seni budaya yang unik dan menarik. Dengan kerjasama negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Indonesia, negara-negara tersebut akan dapat mempamerkan budaya mereka dalam bentuk festival atau bulan votek. Kesannya, negara-negara tersebut akan dapat

menarik perhatian pelancong asing. Dengan kerjasama ini juga, negara-negara ini dapat memupukkan ~~kebu~~ kebanggaan budaya mereka dalam kalangan rakyat masing-masing kerana mengikut kata pepatah di negeri orang hujan emas, di negeri sendiri hujan batu, lebih baik di negeri sendiri. Kesimpulannya, kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan dapat membantu mempromosikan kebudayaan negara masing-masing.

Mari kita menggunakan minda pelajar kelas pertama dengan kata kunci ~~kej~~ kerjasama dalam industri pelancongan dapat meningkatkan ekonomi negara. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila berlakunya kemajuan ~~industi~~ industri pelancongan, negara-negara serantau dapat menjanakan pendapatan kepada negara masing-masing. Misalnya, kerjasama negara Malaysia dan Singapura telah membantu sesama diri dengan membinakan sesebuah stesen kereta api yang menghubungkan Singapura dengan Malaysia. Dengan pembinaan stesen tersebut, rakyat Singapura dapat melancong ke negara Malaysia dan rakyat Malaysia dapat melancong ke ~~ke~~ Singapura. Hal ini menyebabkan kedua-dua negara tersebut dapat memanfaatkan pendapatan daripada industri pelancongan serta mengukuhkan lagi hubungan antara negara. Kesannya, penambahan ekonomi negara dapat membantu membangunkan lagi kemajuan negara dengan hasil kerjasama antara negara jiran. Kesimpulannya, peningkatan ekonomi negara dapat dimanfaatkan melalui kerjasama negara serantau.

Seterusnya, kebaikan-kebaikan kerjasama dalam industri pelancongan ialah negara serantau dapat mengeratkan hubungan diplomatik. Hal ini dikatakan demikian kerana hubungan diplomatik amat penting untuk menjaga perdamaian dan keharmonian antara negara. Misalnya, hubungan antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thailand ~~telah lama~~ mempunyai sejarah yang lama yang menyebabkan kemunculan budaya Thai berada di negara Malaysia. Misalnya, melalui perkahwinanan antara rakyat Thailand dan rakyat Malaysia, kedua-dua negara ini dapat menjalinkan hubungan yang lebih erat. Hal ini dikatakan demikian kerana faktor perkahwinan tersebut berlaku apabila rakyat Thailand pergi melancong ke negara Malaysia ~~dan~~ lalu ~~men~~ mencari jodoh di negara tersebut. Kesannya, kerjasama industri pelancongan telah membuktikan penambahan jumlah rakyat negara dan juga mengukuhkan hubungan antara negara. Ringkasnya, hubungan diplomatik antara negara dapat dieratkan ~~dengan~~ melalui kerjasama dalam industri pelancongan.

Akhir sekali, kerjasama dalam industri pelancongan juga dapat memberi kebaikan dalam perdagangan negara serantau. Hal ini dikatakan demikian kerana perkongsian sumber mentah sesama ~~negara~~ negara jiran dapat menarik perhatian pelabur asing. Misalnya, perdagangan ~~se~~ antara negara Malaysia dan Indonesia dapat menarik pelabur asing dari ~~Austra~~ Australia dan New Zealand kerana negara Indonesia ~~terle~~ terletak bersama kedua-dua negara tersebut. Bukan itu sahaja, dengan kerjasama Malaysia, pelancong-pelancong dari negara Thailand dan Singapura akan juga tertarik dengan industri pelancongan ~~kegiatan perdagangan~~ negara Indonesia. Hal ini dikatakan demikian kerana negara Indonesia telah membantu Malaysia menarik pelabur asing malah Malaysia membantu menarik pelancong kepada industri pelancongan Indonesia. Kesannya, hubungan kedua-dua negara akan menjadi semakin erat serta

~~Kegiatan~~ Kegiatan ekonomi ~~Indonesia~~ Malaysia semakin berkembang pesat dengan modal dan pelabur asing. Bukan itu sahaja, industri negara Indonesia juga telah maju. Kesimpulannya, ~~kerjasama~~ terdapat kebaikan dalam perdagangan negara serantau yang disumbang melalui kerjasama negara serantau.

Kesimpulannya, pemimpin-pemimpin negara ASEAN haruslah menyedar~~kan~~ akan kebaikan-kebaikan kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan. Hal ini dikatakan demikian kerana kita telah berjanji untuk bergabung bahu dalam ~~kemajua~~ membantu kemajuan negara masing-masing. Oleh itu, saya harap setiap lapisan masyarakat akan bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk memudahkan kerjasama ini dan menjaga hubungan negara dengan negara jiran. Selain itu, saya juga berharap agar kita sama-sama ~~membangunkan diri~~ duduk sama rendah, diri sama tinggi dalam perjuangan pembangunan negara.

Pada bahagian **pengenalan,** calon masih berupaya memahami tugasan iaitu kebaikan-kebaikan kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan kepada negara-negara terlibat.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menghuraikan kebaikan-kebaikan kerjasama antara negara serantau dalam industri pelancongan kepada negara-negara terlibat seperti "mempromosikan kebudayaan masing-masing, meningkatkan ekonomi negara dan mengeratkan hubungan diplomatik." Idea yang dikemukakan **masih relevan**, huraian juga **masih jelas** dan contoh yang diberikan **masih sesuai**. Contohnya *"Misalnya, hubungan antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Thailand mempunyai sejarah yang lama yang menyebabkan kemunculan budaya Thai berada di negara Malaysia. Misalnya melalui perkahwinanan antara rakyat Thailand dan rakyat Malaysia, kedua-dua negara ini dapat menjalinkan hubungan yang lebih erat."* Sepatutnya calon menghuraikan idea dengan lebih jelas dan memberikan contoh yang sesuai.

Calon menggunakan ayat yang **masih gramatis** tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga **umum**. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti *dapat memupukkan kebanggaan budaya* (sepatutnya dapat memupuk perasaan bangga terhadap budaya), *paling terbaik* (sepatutnya paling baik) dan *perkahwinanan* (sepatutnya perkahwinan). Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyarankan setiap lapisan masyarakat bekerjasama dengan kerajaan untuk menjaga hubungan negara dengan negara jiran.

**Soalan 5**

*Apabila terpelihara lidah*
*Nescaya dapat daripadanya faedah*

Petikan gurindam di atas menjelaskan bahawa kita perlu menjaga tutur kata kerana banyak manfaatnya.

Huraikan manfaat-manfaat apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan.

Calon dikehendaki menghuraikan manfaat-manfaat apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan.

**Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Tinggi**

Apabila terpelihara lidah,
Nescaya dapat daripadanya faedah.

Penjagaan tutur kata dalam kehidupan dapat ditakrifkan dengan pemilihan penggunaan bahasa yang indah, perkataan yang sesuai dan nada yang ~~digunakan semasa berinteraksi yang~~ lemah lembut semasa berinteraksi dengan orang lain. Selain itu, penjagaan tutur kata juga ~~dapat~~ sering dihubungkaitkan dengan penerapan amalan nilai murni dan budi bahasa. Tutur kata kita dalam rutin harian mencerminkan akhlak dan peribadi diri. Kendatipun begitu, terdapat segelintir masyarakat yang enggan menjaga tutur kata melahirkan kegusaran dalam jiwa pejuang bangsa yang bersungguh-sungguh mahu meningkatkan imej negara di persada dunia. Alex Karras pernah berkata, "Kekuatan sebenar diri bukanlah terletak pada anggota badan, tetapi pada dalamannya". Kata-kata ini menunjukkan betapa pentingnya menjaga sifat keperibadian ~~dalaman~~ diri dengan menjaga tutur kata tanpa hanya melihat pada luaran semata-mata ~~Persoalannya, apakah manfaat-manfaat apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan?~~ demi menjamin kemajuan bangsa. Persoalannya, apakah manfaat-manfaat apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan?

Pada realitinya, penjagaan tutur kata dapat memupuk perpaduan dan menjamin keharmonian negara. ~~Negara~~ Rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum seperti kaum Melayu, Cina dan India. Kewujudan masyarakat majmuk di negara kita memerlukan pemupukan semangat perpaduan yang tinggi kerana bersatu teguh, bercerai roboh. Apabila kita menjaga tutur kata, ~~isu-isu sensitif yang timbul~~ kita dapat mengelakkan isu-isu sensitif tentang perkauman dan sebagainya timbul dan mengancam keselamatan negara. Hal ini ~~penting~~ signifikan bagi memastikan ~~t~~ peristiwa berdarah 13 Mei tidak berulang kembali. Perdana Menteri Malaysia yang keempat dan ketujuh pernah ~~berkata~~ menukilkan kata-kata "Manusia yang lemah apabila bersatu padu dapat menggoncangkan dunia. Demikianlah kekuatan perpaduan." ~~Selain daripada itu~~, ~~perpaduan kaum~~ Contoh penjagaan tutur kata yang dapat menjamin perpaduan kaum adalah dengan mengucapkan kata-kata yang ~~m~~ hormat antara satu sama lain dan ~~saling~~ tidak mengeluarkan kata-kata kesat untuk menghina. Semua kaum perlulah berganding bahu bagai aur dengan tebing untuk menjaga tutur kata demi mengukuhkan perpaduan rakyat. Tegaslah ~~bah~~ bahawa penjagaan tutur kata pasti dapat menjadikan hubungan sesama kaum lebih utuh dan berintegriti.

Dari kaca mata yang lain, penjagaan tutur kata dapat mencerminkan akhlak yang baik hingga disenangi oleh ~~masy~~ setiap lapisan masyarakat. Orang di sekeliling kita akan berasa selesa ~~dan kita tidak akan~~ kerana kita tidak menyakitkan hati mereka. William Shakespeare, seorang penulis yang terkenal pernah mengemukakan bahawa kejahatan yang dilakukan oleh ~~orang~~ seseorang akan sentiasa diingati ~~se~~ walaupun orang itu sudah mati. ~~Dengan menjaga~~ Kata-kata ini menunjukkan kepentingan penjagaan tutur kata supaya dapat mengelakkan orang lain berdendam dengan kita dan menjauhkan diri daripada perkara buruk. Misalnya, penjagaan tutur kata di sekolah bersama rakan-rakan dan guru-guru akan menjadikan sesi pembelajaran lebih tenang tanpa sebarang pertelingkahan atau masalah disiplin. Dalam Islam, Rasulullah S.A.W. juga amat menekankan kepentingan akhlak ~~melalui~~ yang baik melalui kata-kata supaya dapat ~~menjamin~~ mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Bak kata pepatah, yang jauh dekat-dekatkan, yang dekat rapat-rapatkan. Izharlah bahawa penjagaan tutur kata dalam kehidupan dapat ~~menjalinkan~~ menjadikan diri seorang yang mudah didekati dan disenangi.

Seterusnya, penjagaan tutur kata dalam kehidupan juga dapat ~~menaikkan~~ menjadikan negara Malaysia disegani oleh negara-negara lain. Hal ini dikatakan sedemikian kerana budi pekerti yang tinggi. melalui pertuturan kata rakyat dapat menaikkan imej negara di seantero dunia. Tamsilnya, pelancong-pelancong dari luar negara yang datang ke Malaysia memuji-muji sikap rakyat yang peramah dan baik hati. Perkara ini ~~juga~~ akan menjadi penyunting kepada kemajuan negara dan bangsa supaya dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju yang lain. ~~Perdana Menteri Mat~~ Tun Dr. Mahathir, mantan Perdana Menteri Malaysia telah ~~mementingkan dasar pandang~~ menjadikan negara Jepun sebagai negara contoh bagi memajukan negara. Hal ini kerana ~~Jepun~~ rakyat Jepun amat mementingkan penjagaan tutur kata dan akhlak yang baik walaupun dibanjiri dengan ledakan dan kepesatan ekonomi dan teknologi. Ibnu Khaldun. ~~dalam kitabnya~~ juga telah mengarang dalam kitabnya bahawa ketamadunan sesebuah bangsa bukan hanya ditentukan oleh pembangunan lahiriah, namun perlu sejajar dengan pembangunan rohaniah. ~~Jelaslah~~ Tuntasnya, penjagaan tutur kata dalam kehidupan dapat menaikkan nama negara sehingga dihormati oleh negara lain di peringkat antarabangsa.

Umum mengetahui bahawa penjagaan tutur kata dalam kehidupan juga dapat melahirkan generasi yang mempunyai budi bahasa yang tinggi serta budi pekerti yang mulia. Hal ini kerana pemupukan amalan penjagaan tutur kata dapat memberi contoh ~~tan~~ dan tauladan kepada golongan yang lebih muda, terutamanya dalam peranan ibu bapa dan guru-guru. Anak-anak diibaratkan bagai kain putih yang tiada kotoran, hanya ibu bapa yang mencorakkannya. Apabila anak-anak membesar dalam persekitaran yang mementingkan penjagaan tutur kata serta dididik di sekolah dengan baik, mereka akan ~~membesar berfikiran lebih matang dan kritis demi melahirkan anak bangsa yang berguna kepada~~ menerapkan amalan nilai murni dan ~~nilai berhemah~~ menjaga kesantunan diri apabila mereka menjadi dewasa kelak. ~~Ra~~ Sebagai contoh, ibu bapa ~~mendidik anak-anak~~ yang menggunakan pertuturan yang baik dengan anak-anak mereka akan menjadikan anak-anak berfikiran lebih optimis dan bertatasusila. ~~di luar~~ ~~Rasull~~ Rasulullah S.A.W. pernah ~~me~~ ~~bersda~~ bersabda, "Berkata baik atau diam." Oleh itu, ~~ibu bapa~~ penjagaan tutur kata dalam kehidupan dapat menjadi suri teladan kepada golongan muda demi melahirkan anak bangsa yang berjaya.

Sebagai menggulung segala yang ~~diper~~ dikemukakan, ~~sudah bulan sematin~~ sudah terang lagi bersuluh bahawa terdapat pelbagai manfaat apabila kita menjaga tutur kata dalam kehidupan. Penjagaan tutur kata merupakan tunjang kepada ~~cerm ketinggian serta ketuhur~~ kesopanan dan kesusilaan yang ~~menjadikan~~ menaikkan maruah bangsa. Semua pihak perlulah bersinergi dan berganding bahu bagi menyedarkan masyarakat tentang ~~kepentingan-~~ kepentingan dan manfaat ~~menjaj~~ menjaga tutur kata dalam kehidupan. Janganlah kita menjadi sudah terhantuk baru terngadah apabila menyedari sudah terlambat untuk mengubah persepsi ~~masyarakat~~ tentang kebaikan-kebaikannya. Sesungguhnya, ~~ukuran kemajuan sesebuah negara terletak pada~~ masa hadapan sesebuah negara ditentukan sendiri oleh rakyatnya. Yang merah itu saga, yang kurik itu kendi, yang indah itu bahasa, yang elok itu budi.

Pada bahagian **pengenalan** calon dapat memahami tugasan iaitu manfaat-manfaat yang diperoleh apabila menjaga tutur kata dalam kehidupan.

Pada bahagian **huraian idea**, calon berjaya menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menghuraikan manfaat-manfaat apabila menjaga tutur kata dalam kehidupan seperti *“memupuk perpaduan dan menjamin keharmonian negara, mencerminkan akhlak yang baik hingga disenangi oleh masyarakat dan melahirkan generasi yang mepunyai budi bahasa yang tinggi.”* Calon dapat menghuraikan idea tersebut dengan jelas dan matang.

Calon menggunakan pelbagai jenis ayat yang gramatis seperti *“Penjagaan tutur kata merupakan tunjang kepada kesopanan dan kesusilaan yang menaikkan maruah bangsa. Semua pihak perlulah bersinergi dan berganding bahu bagi menyedarkan masyarakat tentang kepentingan dan manfaat menjaga tutur kata dalam kehidupan.”* Kosa kata yang digunakan juga **luas** dan **tepat**. Gaya bahasa yang digunakan menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan menarik yang **tepat**, contohnya *“persepsi”*, *“mencerminkan akhlak yang baik hingga disenangi”* dan *“berganding bahu bagai aur dengan tebing.”* Penggunaan unsur bahasa bervariasi manakala laras bahasa sesuai dengan tugasan. Penggunaan tanda baca juga tepat.

Pengolahan calon sangat menarik dan berkesan. Calon menggunakan pemerenggganan yang sesuai dan lengkap dengan perenggan pengenalan, perenggan idea dan perenggan penutup.

Pada bahagian **penutup**, calon berupaya menulis kesimpulan yang mantap dengan menyarankan semua pihak haruslah bersinergi dan berganding bahu untuk menyedarkan masyarakat tentang kepentingan menjaga tutur kata.

## Contoh Jawapan Kumpulan Berprestasi Sederhana

Darsawarsa ini, isu yang berkaitan ~~pertuturan~~ menjaga pertuturan ~~sematin~~ menjadi topik yang hangat diperdebatkan di negara kita. Semakin hari semakin isu ini ~~d~~ tidak dititikberatkan oleh masyarakat setempat. ~~Sematin~~ Dalam isu ini, ~~ibu bapa mer~~ sudah menjadi tanggungjawab seseorang itu menjaga pertuturannya. Cuba kita bayangkan tanpa tutur kata, ~~siap~~ kita tidak di kenali oleh masyarakat setempat. Bukankah itu sesuatu yang merugikan? Dengan menjaga tutur kata kita akan dapat banyak manfaat. Bukan itu sahaja menjaga tutur kata merupakan ~~sa~~ tanggungjawab yang harus dipikul oleh semua orang. Namun begitu, kita hendaklah memainkan peranan yang penting dalam menangani isu ini. Jika kita menjaga pertuturan, kita memperolehi manfaat. Persoalanya, apakah kelebihan - kelebihan apabila kita menjaga tutur kata? Silosinya akan dibincangkan dengan lebih terperinci hingga akar umbi sebentar lagi.

Umum mengetahui dengan menjaga tutur kata kita ~~akan~~ dapat ~~mela~~ melakukan urusan dengan mudah. Hal ini dikatakan demikian kerana, kita melontar-kan bahasa yang lembut dan sopan. Bukan itu sahaja kita juga sentiasa menggunakan bahasa yang mudah difahami. ~~kita hen~~ Oleh itu kita hendaklah ~~melontarkan~~ menggunakan kata - kata yang baik agar tidak ada salah faham yang boleh tercetus. Kesannya, ~~kita~~ kemana dan dimana pun kita melakukan urusan, jika kita menjaga tutur kata maka ~~apa~~ akan menjadi senang dan mudah. Oleh itu, kita hendaklah

menjaga tutur ~~kata~~ ~~kerana~~ agar memudahkan kita melakukan sesuatu perkara. Izharlah bahawa, menjaga ~~tutut~~ tutur kata kita dapat melakukan urusan dengan mudah dan cekap.

Manfaat lain yang boleh kita perolehi apabila menjaga tutur kata ialah kita dapat mengeratkan sillaturahim. Hal ini kerana, kita menjaga kata-kata apabila bercakap dengan orang lain tidak kira tua atau muda. Tambahan pula, kita menghormati orang ~~di~~ yang berada di sekitar kita dengan menggunakan kata-kata yang manis dan sopan. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa menjaga dan mengawal setiap kata yang ingin dilontarkan agar tidak mendatangkan natijah dalam kehidupan. Senerio ini berjajar dengan peribahasa beringat sebelum kena. ~~Cont~~ Kita dapat menggunakan bahasa yang betul apabila kita berhadapan dengan masyarakat. Misalnya, apabila kita berjumpa dengan orang tua ketika menghadiri sesuatu majlis seperti kenduri atau majlis perkhawinan, kita hendaklah menggunakan bahasa yang sopan. Kesannya kita dapat mengeratkan sillaturahim antara keluarga. Sudah terang lagi bersuluh jika kita menjaga tutur kata maka kita perolehi manfaat seperti dapat mengeratkan sillaturahim.

Kelebihan seterusnya sekiranya kita ~~dapat~~ menjaga tutur kata ialah meningkatkan imej negara. Dengan mengamalkan dan menjaga tutur kata, ketika berjumpa atau berselisih dengan pelancong dengan sapaan yang sopan. Bertanya khabar kepada pelancong juga

merupakan ~~Sat~~ suatu sapaan yang digalakkan. Disamping itu, kita hendaklah ~~memamer~~ mempamerkan wajah yang manis dan ayu ketika bertemu orang lain. Bukankah ini amalan yang baik dan kita dapat mengelak daripada terjerumus dalam sesuatu masalah? Bukankah segaligus dapat meningkatkan imej negara? ~~Oleh~~ Kita juga hendaklah sentiasa menerapkan penggunaan tutur kata yang bagus kerana budi bahasa budaya kita. Oleh itu, ~~marit~~ dengan menjaga tutur kata kita dapat meningkatkan imej negara ke mata dunia.

Faedah yang terakhir ialah dapat menjadi teladan yang baik. Hal ini kerana, anak-anak muda dapat menjadikan contoh dan idola dalam kehidupan mereka. Tambahan pula mereka akan sentiasa menghormati dan dihormati oleh masyarakat ~~yang~~ tidak kira agama dan usia. Sebagai contoh teladan kita hendaklah sentiasa menjaga batas kata-kata kerana kata-kata lebih tajam daripada mata pedang. ~~Set~~ ~~Jagan~~ Jangan sampai nasi menjadi bubur ~~baru~~ di situ barulah kita terpingga-pingga memperbetulkan kesalahan kita. Oleh itu kita hendaklah sentiasa menjaga tutur kata walau dimana kita berada.

Kesimpulannya, kita hendaklah menjaga tutur kata agar memperolehi manfaat yang sewajarnya. ~~D~~ Disamping itu, kita juga dapat ~~menamba~~ ~~meliba~~ melipatkali ganda tutur kata kita ~~kerana~~ untuk kepentingan pada masa hadapan. Selain itu, kita ~~ken~~ haruslah menjaga tutur ~~k~~ kata agar dapat memperolehi manfaat. Sebulum pen melabuhkan dakwat, marila kita bersama-sama menjaga tutur kata demi masa hadapan yang lebih cerah.

Pada bahagian **pengenalan,** calon masih berupaya memahami kehendak soalan iaitu manfaat-manfaat apabila menjaga tutur kata dalam kehidupan.

Pada bahagian **huraian idea**, calon masih menjawab tugasan mengikut kehendak soalan iaitu menghuraikan manfaat-manfaat apabila menjaga tutur kata dalam kehidupan seperti "*dapat melakukan urusan dengan mudah, dapat mengeratkan sillaturahim* dan *menjadi teladan yang baik.*" Idea yang dikemukakan **masih relevan**, huraian juga **masih jelas** dan contoh yang diberikan **masih sesuai**. Contohnya *"Hal ini dikatakan demikian kerana, kita melontarkan bahasa yang lembut dan sopan. Bukan itu sahaja kita juga sentiasa menggunakan Bahasa yang mudah difahami. Oleh itu kita hendaklah menggunakan kata-kata yang baik agar tidak ada salah faham yang boleh tercetus."* Sepatutnya calon menghuraikan idea dengan lebih jelas dan memberikan contoh yang sesuai.

Calon menggunakan ayat yang **masih gramatis** tetapi terdapat kesalahan yang minimum. Selain itu, penggunaan kosa kata calon juga **umum**. Terdapat kesalahan bahasa yang minimum seperti *senerio ini berjajar dengan* (sepatutnya senario ini sejajar dengan), *dapat melipatkali ganda tutur kata kita* (sepatutnya dapat menjaga tutur kata kita) dan *sillaturahim* (sepatutnya silaturahim). Pengolahan calon juga masih menarik dan pemerengganan masih sesuai.

Pada bahagian **penutup**, calon masih berupaya menulis kesimpulan dengan menyarankan supaya menjaga tutur kata agar mendapat manfaat.

## 4.0 CADANGAN/SYOR

### 4.1 Calon

**a.** Calon perlu membaca bahan seperti majalah, akhbar, jurnal dan karya sastera seperti novel dan cerpen untuk menambahkan pengetahuan, mematangkan fikiran, dapat mengikuti perkembangan semasa dan memantapkan penguasaan bahasa.

**b.** Calon mestilah rajin mendengar atau menonton perbincangan ilmiah seperti program DidikTV, berita, dokumentari, forum dan debat pusat-pusat pengajian tinggi melalui media elektronik untuk menambahkan ilmu pengetahuan murid.

**c.** Calon hendaklah peka terhadap isu semasa agar mereka dapat menghasilkan idea yang relevan dan dihuraikan dengan jelas berserta contoh yang sesuai.

**d.** Calon hendaklah menguasai semua format karangan dan menggunakan laras bahasa yang betul.

**e.** Calon hendaklah menguasai pembinaan perenggan deduktif, induktif serta perenggan gabungan kedua-duanya.

**f.** Calon perlu memantapkan penguasaan tatabahasa, umpamanya latihan membina ayat, penggunaan imbuhan, aplikasi tatabahasa dalam ayat, aplikasi pembentukan perkataan; kata dasar kepada kata terbitan dan sebaliknya.

**g.** Calon mestilah rajin merujuk kamus dan kamus yang dicadangkan ialah Kamus Dewan untuk menambahkan pengetahuan tentang makna kata yang tepat.

h. Calon digalakkan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti kebahasaan dalam apa-apa jua bentuk seperti pertandingan untuk membiasakan diri menggali khazanah kosa kata yang luas dan menarik dalam bahasa Melayu.

**i.** Sebelum menjawab soalan calon perlu mengetahui bahawa setiap soalan mengandungi dua bahagian iaitu stimulus dan tugasan soalan. Seterusnya calon perlu membaca setiap soalan, kemudian membuat pilihan soalan yang hendak dijawab, menganalisis kehendak soalan, membina rangka karangan dan akhirnya menulis karangan yang dipilih.

**j.** Calon diingatkan memilih soalan yang paling mudah dikuasai dari sudut idea (isi) dan huraian serta contoh-contohnya.

k. Calon mesti mengenal pasti kata kunci tugasan bagi soalan yang dipilih. Kata kunci tersebut perlu dinyatakan pada setiap perenggan bagi memastikan karangan yang dihasilkan menepati kehendak soalan.

**l.** Calon perlu membina ayat-ayat yang gramatis dan menggunakan kosa kata yang luas dan tepat. Calon hendaklah menggunakan ungkapan menarik yang sesuai.

**m.** Calon hendaklah menggunakan penanda wacana yang betul dalam

karangan yang ditulis.

**n.** Calon hendaklah menyemak karangan yang telah ditulis agar dapat mengurangkan atau mengelakkan sebarang kesalahan dari aspek bahasa, ejaan dan kesalahan-kesalahan lain.

### 4.2 Guru

a. Guru perlu membuat rujukan dan membaca bahan daripada pelbagai sumber dan media untuk menambahkan pengetahuan, fakta dan maklumat sesuai dengan perkembangan semasa.

b. Guru perlu menguasai kemahiran TMK sesuai dengan keperluan masa ini untuk menghasilkan pangkalan data dan maklumat berkaitan dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Penggunaan portal dan laman sesawang Bahasa Melayu yang sesuai boleh menarik minat pelajar untuk melayarinya.

c. Guru perlu sentiasa merujuk naskhah Tatabahasa Dewan dan Kamus Dewan untuk memantapkan penguasaan bahasa Melayu.

d. Guru perlu mendapat pendedahan berkaitan dengan pemeriksaan kertas Bahasa Melayu SPM.

e. Guru perlu memahirkan diri dalam aspek tatabahasa agar penguasaan bahasa mereka sentiasa mantap.

f. Guru perlu merujuk buku teks sebagai panduan membina soalan.

g. Guru sewajarnya menggalakkan murid membaca bahan bacaan yang pelbagai seperti majalah terbitan DBP, novel-novel, akhbar dan rencana yang luas skopnya demi menjanakan kematangan minda dan pemikiran calon.

h. Dalam proses pengajaran dan pembelajaran guru-guru perlu mengenali potensi setiap murid agar dapat dibimbing berdasarkan potensi mereka untuk mencapai kecemerlangan.

i. Guru perlu memantapkan asas penulisan karangan kepada murid pada peringkat menengah rendah lagi agar mereka memahami cara merangka karangan, format menulis karangan dan mengembangkan isi dengan lebih berkesan.

j. Guru perlu membincangkan pelbagai isu semasa dengan murid semasa pengajaran agar mereka dapat mengemukakan isi-isi yang matang, pemikiran kritis dan idea yang analitik dalam karangan.

k. Guru perlu mempelbagaikan bahan pengajaran dan teknik pengajaran yang menarik dan berkesan serta penggunaan media ICT untuk menarik minat murid.

l. Guru perlu memberikan latihan karangan yang secukupnya kepada murid supaya mereka dapat menguasai pelbagai jenis kemahiran penulisan.

m. Guru mestilah menyemak latihan murid dengan teliti sama ada latihan tatabahasa atau karangan. Guru perlu memastikan murid membuat pembetulan supaya mereka dapat meningkatkan kemahiran penulisan.

# PENGHARGAAN

**PENASIHAT:**

DATO' HJ. PKHARUDIN BIN HJ. GHAZALI

**PENGERUSI:**

DR. IBRAHIM BIN MOHAMED ZIN

**URUS SETIA:**

PUAN HJH. JURAIDA BINTI UMAT

DR. HABIBAH BINTI MAT REJAB

PUAN SITI ASMAH BINTI MD YUSOF

PUAN NOR ZULAIKHA BIN CHE MAT

ENCIK HAPIZI BIN MISKAM

**EDITOR:**

ENCIK MOHD FATHI BIN ADNAN (KETUA EDITOR)

ENCIK MOHD RIDZUAN BIN IDRIS (PEN. KETUA EDITOR)

PUAN NORAZAH BINTI BIDI

CIK FAIZAH BINTI SAMAD

ENCIK KHAIRILL HELME BIN RAMLI

**PANEL PENULIS:**

KP & KPB BAHASA MELAYU KERTAS 1

KP & KPB BAHASA MELAYU KERTAS 2

KP & KPB BAHASA INGGERIS KERTAS 1

KP & KPB BAHASA INGGERIS KERTAS 2

KP & KPB SEJARAH KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK KERTAS 2

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 1

KP & KPB MATEMATIK TAMBAHAN KERTAS 2